

DARIPADA Ummu Salamah Radhiallahuanha, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :
 "Barang siapa yang ada sembelihan untuk disembelih (hendak dijadikan binatang korban), maka apabila telah tampak hilal Zulhijah, janganlah dia sekali-kali mengambil (memotong) sesuatu pun dari rambut dan kukunya, sehinggalah dia selesai menunaikan ibadah korban". - (Hadis Riwayat Muslim).

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengukuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin.
 Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

Kerjasama pendidikan Brunei - Oman diperluaskan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

TUNGKU LINK, Khamis, 7 Julai. - Di bawah Objektif Strategik 3 Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2018 - 2022, Kementerian Pendidikan terus mengukuhkan hubungannya bersama pihak berkepentingan luar, khususnya dalam bidang kerjasama antarabangsa.

Dalam usaha menyediakan pendidikan yang cemerlang, Kementerian berusaha untuk bekerjasama bersama pihak berkepentingan antarabangsa, dalam pelbagai Bidang Pendidikan melalui bengkel, persidangan dan penyelidikan bersama, yang boleh diformalkan melalui Memorandum Persefahaman yang mewajibkan kerjasama berterusan.

Perkara tersebut ditegaskan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh semasa menyampaikan ucapan, pada Dialog Kerjasama Oman - Brunei, yang berlangsung di Institut Kepimpinan, Inovasi dan Kemajuan (ILIA), Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Dengan itu, Yang Berhormat berbesar hati kerana pada hari ini menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Kesultanan Oman dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai Kerjasama dalam Bidang Pengajian Tinggi, yang akan meluaskan dan memajukan lagi kerjasama ini.

>> Muka 12

PENGANUGERAHAN GERAN TANAH, ANAK KUNCI TANDA KEPRIHATINAN KEBAWAH DYMM



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan Penganugerahan Penggeranan Tanah-tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS) di Bawah Skim Penggeranan Tanah LTS bagi Daerah Tutong dan Daerah Belait serta Penyerahan Anak-anak Kunci Rumah Teres di Bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) Bukit Beruang bagi Daerah Tutong. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
 Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

TUTONG, Khamis, 7 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan Penganugerahan Penggeranan

Tanah-tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS) di Bawah Skim Penggeranan Tanah LTS bagi Daerah Tutong dan Daerah Belait serta Penyerahan Anak-anak Kunci Rumah Teres di Bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) Bukit Beruang bagi Daerah Tutong kepada 446 penerima, di sini.

>> Muka 2

Berkenan menyempurnakan penyampaian hadiah BICTA 2022

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

TUNGKU LINK, Khamis, 7 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Penaung Diraja Anugerah ICT Brunei (BICTA) berkenan berangkat ke Majlis Anugerah BICTA 2022 bertempat di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

>> Muka 8

1,415 kes disahkan sembuh

Oleh : Srinarawie Bidzah

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 Julai. - Sebanyak 1,415 kes telah disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh di Negara Brunei Darussalam kepada 169,051.

Menurut infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19, yang dikeluarkan oleh

Kementerian Kesihatan, satu kes sedang berada dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU); sementara lima kes sedang berada dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

>> Muka 11



Berita Utama



PMKS pacu kepelbagaian aktiviti ekonomi

Muka 11



SENTIASA komited tangani isu keselamatan ancam kesejahteraan negara

Muka 16



RENCANA MENGHAYATI ibadah korban

Muka 28



Penganugerahan geran tanah, anak kunci tanda keprihatinan Kebawah DYMM



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di helipad dijunjung oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid. Turut menjunjung keberangkatan tiba baginda, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Ajmin bin Haji Meludin.

>> Muka 1

Majlis berkenaan diadakan di Dewan Pusat Tingkatan Enam Tutong (PTET), Kampung Bukit Beruang, Mukim Telisai.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di helipad dijunjung oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Muhammad Juanda

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

bin Haji Abdul Rashid.

Turut menjunjung keberangkatan tiba baginda ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Ajmin bin Haji Meludin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Daerah Tutong, Awang Haji Kaharudin bin Mohd. Ali, diikuti dengan sembah alu-aluan daripada Pemangku Pegawai Daerah Tutong.

Dalam sembah alu-aluan Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Ajmin menyebarkan, menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli bagi menyempurnakan Penggeranan Tanah-tanah LTS di Bawah Skim Penggeranan Tanah LTS bagi Daerah Tutong dan Belait serta Penyerahan Anak-anak Kunci

Rumah Teres di Bawah RPN Bukit Beruang bagi Daerah Tutong.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bercemar duli ke majlis berkenaan sembahnya, merupakan anugerah yang tiada ternilai bandingnya dan memberi makna yang amat mendalam kepada para penerima yang akan menjunjung kurnia ke hadapan majlis baginda.

"Penggeranan Tanah LTS dan Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah ini jelas menggambarkan sifat pemeduliaan dan keprihatinan Kebawah Duli Tuan Patik terhadap kesejahteraan dan kesejahteraan Hamba-hamba Kebawah Duli Tuan Patik dan dapat memupuk lagi perpaduan masyarakat," ujar sembahnya.

Pada majlis tersebut, seramai 209 menerima Penggeranan Tanah-tanah LTS di Bawah Skim Penggeranan Tanah LTS di mana daripada jumlah tersebut sebanyak 125 orang dari Daerah Tutong dan 84 orang dari Daerah Belait.

>> Muka 3

WAKTU SEMBAHYANG										
JULAI MASIHI	HARI	ZULHIJAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
9	SABTU	9	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.52
10	AHAD	10	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.52
11	ISNIN	11	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.52
12	SELASA	12	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.52
13	RABU	13	4.41	4.51	6.15	6.38	12.27	3.52	6.37	7.52
14	KHAMIS	14	4.41	4.51	6.15	6.39	12.27	3.52	6.38	7.52
15	JUMAAT	15	4.41	4.51	6.15	6.39	12.27	3.52	6.38	7.52

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan			
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Pekan Bangar			
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Pekan Tutong			
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Kuala Belait			
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

9 JULAI 2022

Aidiladha, Mengumpul Pahala

SETIAP kali masuknya bulan Zulhijah, yang akan terlintas di fikiran kita ialah ibadah korban yang sangat-sangat dituntut bagi yang berkemampuan. Ibadah ini secara tidak langsung dapat menambah pahala dan juga sebagai satu pengukuh jalan-jalan kita di akhirat kelak. Keistimewaan bulan-bulan Islam antaranya tidak putus-putus Allah kurniakan kita ganjaran pahala dan penghapusan segala dosa. Bermulanya Zulhijah, para bakal jemaah haji sudah bersiap sedia dengan niat yang satu, iaitu mudahan segala amal ibadah, doa dan peribadatan yang ditunaikan di tanah suci dikabulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan mendapat haji yang mabrur.

Dalam Surah Al-Kautsar ayat 1 hingga 3 antara lain makna terjemahannya "Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Nabi Muhammad) nikmat yang banyak (antaranya sungai al-kautsar di syurga). Maka dirikanlah sembahyang kerana Tuhanmu dan sembelillah binatang korban (kerana mensyukuri nikmat-nikmat-Nya), Sesungguhnya orang yang membenci engkau, dialah yang terputus (daripada mendapat kebaikan dunia dan akhirat)". Inti pati ayat ini jelas sekali yang mana nikmat Allah Subhanahu Wata'ala amat banyak, hingga kita tidak tahu atau tidak sedar akan nikmat tersebut. Dan pada 10 Zulhijah dinamakan hari besar kerana, kita akan menunaikan solat sunat hari raya dan seterusnya menyembelih binatang korban. Dari detik itu juga kita akan melaukan takbir sehingga penutup hari Tasyrik iaitu pada 13 Zulhijah.

Bagi golongan yang kurang faham mengenai dengan sejarah ibadah korban, pasti saja ia akan disalahertikan. Yang sering timbul pada mutakhir ini, ialah apakah perasaan kita terhadap haiwan yang disembelih. Ini tidak akan timbul jika kita fahami hikmah di sebalik Aidiladha atau hari raya korban antaranya ialah Pertama : Sebagai tanda ketaatan seorang hamba kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Ibadah korban mengingatkan kita tentang peristiwa pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihissalam yang telah diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk menyembelih putera baginda Nabi Ismail Alaihissalam. Ia merupakan pengorbanan yang benar-benar menguji keimanan dan kesabaran mereka berdua. Perintah yang amat berat itu telah dilaksanakan atas dasar iman dan takwa yang dilakukan tanpa ragu-ragu atau waswas. Atas dasar ketaatan dan ketulusan mereka tersebut, maka Allah Subhanahu Wata'ala akhirnya telah memerintahkan agar Nabi Ismail Alaihissalam digantikan dengan seekor kibas. Kedua : Memupuk sikap pemeduliaan dan prihatin terhadap masyarakat. Ini jelas melalui pengagihan daging-daging korban tersebut kepada yang berhak menerimanya khususnya kepada para fakir miskin dan yang memerlukan. Ketiga : Peristiwa pengorbanan Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail Alaihissalam dapat mengasuh dan mendidik diri untuk bersikap sabar terhadap apa jua ujian yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam kehidupan, tidak mudah mengeluh dan tetap menyerah dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Ketahuilah, apa pun jua keadaan dan musibah yang berlaku, semuanya itu adalah ketentuan dan ketetapan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Ia juga mendidik hati dan keimanan kita terhadap Allah Subhanahu Wata'ala atas ganjaran pahala yang dikurniakan. Walaupun perkara pahala ini tidak dapat diertikan di dunia, tetapi ia sudah ada dikumpulkan untuk hari kendila kelak. Carilah pahala kerana ia dapat menjaga dan menyelamatkan kita di akhirat kelak. Oleh itu, Marilah kita sama-sama bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala di atas kurnia rezeki kepada kita untuk kita tunaikan ibadah korban pada tahun ini dan juga diberikan nikmat umur dan kesihatan. Sesuai dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim, ayat 7 antara lain makna terjemahannya "Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya) : "Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku) tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras". Para Jemaah haji Negara Brunei Darussalam diucapkan semoga mendapat haji yang mabrur dan diberikati Allah, dan Selamat meraikan Hari Raya Aidiladha. Sekian sidang pengarang keluaran kali ini. - **Ketua Penyuntingan (Fa)**

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 2

Sementara bagi penerima di bawah RPN Bukit Beruang seramai 237 orang penerima rumah jenis teres.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat juga dibacakan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Daerah Tutong.

Sejurus selesai menyempurnakan penganugerahan, Kebawah DYMM berkenan melawat ke PTET yang dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh dan selepas itu, baginda berkenan berangkat ke rumah peserta-peserta yang menerima rumah-rumah teres di bawah RPN Bukit Beruang.

Rumah jenis teres ini mempunyai keluasan lantai 85.9 meter persegi, yang dilengkapi dengan tiga bilik tidur, ruang tamu, bilik mandi dan dapur.

Perumahan di kawasan RPN Bukit Beruang ini secara keseluruhan mempunyai 530 unit rumah jenis *detached*, 500 unit rumah jenis kembar, 368 unit

rumah jenis kluster dan 1,348 unit rumah jenis teres.

Sehingga ke hari ini lebih dari 30 ribu buah rumah di bawah RPN dan STKRJ telah dibina di seluruh negara daripada jumlah itu sebanyak 29,005 buah telah dianugerahkan kepada para penerima yang berkelayakan dan daripada jumlah tersebut 2,746 orang adalah pemohon yang berjaya mengikuti RPN bagi Daerah Tutong.

Sejurus lawatan ke rumah peserta-peserta yang menerima rumah-rumah teres RPN Bukit Beruang, Kebawah DYMM juga berkenan berangkat ke Golden Corporation Sendirian Berhad. Keberangkatan baginda dijunjung oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Seterusnya baginda berkenan berangkat ke rumah peserta-peserta yang menerima Penggeranan Tanah-tanah LTS di Bawah Skim Penggeranan Tanah LTS.

Skim Penggeranan Tanah LTS mula diperkenalkan pada tahun 1994 di Daerah Tutong. Setakat 2022, sejumlah 2,674 lot telah digerankan di mana jumlah tersebut juga bersamaan dengan keluasan 646,890 ekar.

Daripada jumlah tersebut, 971 lot telah diberikan di Daerah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan Penganugerahan Penggeranan Tanah-tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS) di Bawah Skim Penggeranan Tanah LTS bagi Daerah Tutong dan Daerah Belait serta Penyerahan Anak-anak Kunci Rumah Teres di Bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) Bukit Beruang bagi Daerah Tutong.

Brunei dan Muara, 641 lot diberikan di Daerah Belait, 881 lot diberikan di Daerah Tutong dan 181 lot diberikan di Daerah Temburong.

Dari lawatan di rumah-rumah penerima, baginda berkenan berangkat ke rumah Ketua Kampung Penabai.

Pada akhir lawatan, baginda juga berkenan berangkat ke Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE), Pekan Tutong, Mukim Pekan Tutong. Majlis diakhiri dengan keberangkatan Kebawah DYMM ke Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong bagi Majlis Santap Tengah Hari.

Kedua-dua skim iaitu Skim Penggeranan Tanah LTS dan Penyerahan Anak-anak Kunci Rumah di bawah RPN jelas mencerminkan sikap keprihatinan dan pemedulian Kebawah DYMM kepada rakyat dan penduduk di negara ini, secara tidak langsung membuktikan komitmen kerajaan dalam mendukung hasrat dan cita-cita baginda khususnya dalam memastikan kualiti kehidupan sentiasa terjamin dan sekali gus ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat menyempurnakan Penganugerahan Penggeranan Tanah-tanah LTS di Bawah Skim Penggeranan Tanah LTS bagi Daerah Tutong dan Daerah Belait serta Penyerahan Anak-anak Kunci Rumah Teres di Bawah RPN Bukit Beruang bagi Daerah Tutong (atas kiri dan atas kanan). Sementara gambar kanan, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Ajmin bin Haji Meludin ketika sembah alu-aluan.



DOA Selamat dibacakan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Daerah Tutong (kiri), sementara gambar atas kanan dan atas kiri, antara penerima Penggeranan Tanah-tanah LTS di Bawah Skim Penggeranan Tanah LTS bagi Daerah Tutong dan Daerah Belait serta Penyerahan Anak-anak Kunci Rumah Teres di Bawah RPN Bukit Beruang bagi Daerah Tutong.

KEBAJIKAN RAKYAT SENTIASA DIPEDULI



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama sebahagian pelajar Pusat Tingkatan Enam Tutong (PTET), Mukim Telisai yang berbaris bagi mengalu-alukan keberangkatan baginda berangkat melawat ke PTET dan mencuba sendiri antara aktiviti yang dipamerkan (kiri dan kanan), sementara gambar bawah kanan, baginda berkenan menerima pesambah sebuah lukisan Potret Kebawah DYMM yang disembahkan oleh Pelajar aliran Lukisan PTET, Dayang Wardah Mansurah binti Abdullah Zulkiflee.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohammad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ihsan Balai Kenangan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Pejabat Kebawah DYMM Istana Nurul Iman

TUTONG, Khamis, 7 Julai. - Kebajikan dan kesejahteraan rakyat di negara ini sentiasa menjadi keutamaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mewarna lukisan salah seorang pelajar di PTET (atas), sementara gambar kanan, baginda berkenan beramah mesra bersama salah seorang pelajar Sekolah Menengah Sayyidina 'Othman.

Bahkan, keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke beberapa buah institusi pendidikan, syarikat-syarikat swasta dan persatuan NGO mencerminkan, bahawa baginda sangat mengambil berat tentang permasalahan yang dihadapi serta memastikan negara sentiasa berada dalam suasana aman, damai dan sejahtera serta menikmati kemajuan dan pembangunan pesat, dalam Bidang Fizikal serta Kerohanian.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mula-mula berkenan berangkat melawat ke Pusat Tingkatan Enam Tutong (PTET), Mukim Telisai dan keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Pengetua PTET, Dayang Hajah Murni binti Abdullah.

Kebawah DYMM mula-mula dibawa melawat ke 21 Century Studio, di Tingkat II, di mana sesi pembelajaran Hybrid Learning, iaitu pembelajaran secara bersemuka dan secara maya dipraktikkan.

Di sepanjang laluan menuju ke bilik tersebut, baginda tidak melepaskan peluang dan berkenan beramah mesra bersama sebahagian pelajar PTET yang berbaris bagi mengalu-alukan keberangkatan baginda.

>> Muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan singgah dan melawat Sekolah Menengah Sayyidina 'Othman, Tutong dan melihat lebih dekat antara aktiviti pembelajaran di sekolah berkenaan (atas dan kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat melawat ke rumah peserta yang menerima Anak Kunci Rumah, di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) Bukit Beruang, Mukim Telisai, yang terletak di Jalan Paya Namurai, iaitu rumah milik Dayang Haryani binti Haji Yahaya dan beramah mesra bersama kanak-kanak yang ada di kawasan perumahan berkenaan yang menantikan keberangkatan baginda.

>> Muka 4

Baginda seterusnya berkenan melawat ke LT Trusworthy bagi sesi pembelajaran Economics Hybrid / Blended Learning, di Dewan Kuliah II, Tingkat Bawah dan dari sini, baginda seterusnya berkenan dijunjung dan dibawa melawat ke LT Perseverance bagi Sesi Pembelajaran Geography Hybrid / Blended Learning, di Dewan Kuliah I.

Turut menjadi perhatian baginda, pameran yang disampaikan oleh pelajar-pelajar

pusat tersebut, yang terdiri daripada Majlis Perwakilan Pelajar, Pembimbing Rakan Remaja, Youth Science Forum dan Lukisan.

Setelah itu, baginda dijunjung bagi santap ringan di Bilik Pengetua, seterusnya berkenan menandatangani Buku Lembaran Lawatan dan potret baginda.

Sebelum mengakhiri lawatan di pusat tersebut, baginda berkenan menerima pesambah sebuah lukisan Potret Kebawah DYMM, yang disampaikan oleh Pelajar aliran Lukisan PTET, Dayang Wardah Mansurah binti

Abdullah Zulkiflee.

Baginda kemudiannya dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama tenaga pengajar dan pelajar PTET, di ruang foyer pusat berkenaan, yang diiringi dengan laungan tiga kali daulat oleh pelajar pusat.

PTET mula dibuka secara rasmi pada 17 November 2011, dengan keramaian pelajar seramai 279 pelajar, iaitu 117 pelajar Enam Atas dan 162 pelajar Enam Bawah, manakala Tenaga Pengajar PTET adalah seramai 51 orang bersama 16 kakitangan pusat berkenaan.

Dari PTET, Kebawah DYMM turut berkenan singgah ke Sekolah Menengah Sayyidina 'Othman, Tutong dan keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Pengetua Sekolah, Dayang Rozieana binti Haji Zini.

Semasa lawatan di sekolah tersebut, baginda berkenan meninjau ke Bilik MIS (Model Inclusive School), yang terdiri daripada Pelajar Berkeperluan Khas dari Pravoc Tahun 7 hingga Pravoc Tahun 11.

Sekolah ini mula beroperasi pada 9 Mei 1994 dan dikenali sebagai Sekolah Menengah Bukit Beruang, Tutong.

Pada 30 Julai 1996, nama Sekolah Menengah Bukit Beruang, Tutong dengan rasminya diubah menjadi Sekolah Menengah Sayyidina 'Othman, Tutong, dirasmikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Wijaya Pengiran Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit.

Pada 18 Mac 2002, Sekolah Menengah Sayyidina 'Othman, Tutong diamanahkan untuk menawarkan pengajian di Peringkat Lanjutan bagi Pelajar Tingkatan Enam, Daerah Tutong hingga Disember 2011.

>> Muka 6



KEBAWAH DYMM menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh pemilik rumah, Awang Nasrul Arwadi bin Haji Nekman, salah seorang penerima Geran Tanah di bawah Skim Penggeranan Tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS) di Kampung Kandang, Mukim Pekan Tutong, terdahulu baginda berkenan berangkat melawat ke rumah penerima Geran Tanah di bawah Skim Penggeranan Tanah LTS di kampung yang sama, iaitu Pengiran Mahmud bin Pengiran Bungsu dan keluarga (kiri dan kanan).



KEBAWAH DYMM berkenan dijunjung bergambar ramai ketika berangkat melawat ke rumah peserta yang menerima Anak Kunci Rumah, di bawah RPN Bukit Beruang, Mukim Telisai, yang terletak di Jalan Paya Namurai, iaitu rumah milik Awang Mohammad Khairi bin Haji Mahadi (kiri), sementara gambar atas, Rumah-rumah di RPN Bukit Beruang berkenaan.



KEBAWAH DYMM berkenan dijunjung bergambar ramai ketika berangkat melawat ke rumah Ketua Kampung Penabai dan Kuala Tutong, Mukim Pekan Tutong, Awang Mohammad Sofiyuddin bin Mohammad Serudin (kiri), sementara gambar atas, baginda berkenan singgah, melawat dan melihat lebih dekat rumah milik Dayang Hajah Naimah binti Haji Dollah di Kampung Penabai, Tutong.

>> Muka 5

Bermula 2012 hingga sekarang, Sekolah Menengah Sayyidina 'Othman hanya menawarkan pengajian bagi pelajar Tahun 7 hingga Tahun 11, termasuk Pelajar Berkeperluan Khas.

Mata pelajaran yang diajarkan, termasuklah subjek Ugama, English, Bahasa Melayu, Melayu Islam Beraja, Matematik, Science, Ugama, Humanities (Geography,

History, Social Studies), Art, Pendidikan Jasmani, Technology, Kemahiran Hidup dan Business.

Manakala, keramaian warga sekolah setakat 7 Julai 2022, merangkumi 77 guru dan 20 kakitangan bersama 361 pelajar lelaki dan 320 pelajar perempuan.

Sekolah tersebut juga menyediakan aktiviti ko-kurikulum, seperti Kadet Tentera, Kadet Polis, Persatuan Bulan Sabit Merah, Futsal, Permainan Dalam, Kelab Hijau,

D.I.Y, Badminton, Zumba, Comics dan Anime, Origami, Sepak Takraw, Running Man, Frisbee, Keugamaan, Netball, Hiking, Media dan Fotografi dan lain-lain lagi.

Sejurus itu, Kebawah DYMM, seterusnya berangkat melawat ke rumah peserta-peserta yang menerima Anak-anak Kunci Rumah, di bawah Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang, Mukim Telisai, yang terletak di Jalan Paya Namurai, iaitu rumah milik Dayang Haryani binti Haji Yahaya, diikuti dengan

rumah milik Awang Mohammad Khairi bin Haji Mahadi.

Setelah itu, Kebawah DYMM berkenan berangkat melawat ke Golden Corporation Sendirian Berhad di Kampung Penyatang, Mukim Telisai dan keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Pengarah Urusan Golden Corporation Sendirian Berhad, Richard Chuang.

Pada lawatan ini, baginda berkenan melawat ke Pameran mengenai Perkembangan Golden Corporation Sendirian Berhad dan Produk-produk yang

dihasilkan oleh syarikat tersebut.

Kebawah DYMM disembahkan bersama kakitangan syarikat di sepanjang laluan menuju ke tempat pelepasan fry baby shrimp, di mana Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin menjunjung baginda untuk berkenan melepaskan fry baby shrimp di kolam udang.

>> Muka 7



KEBAWAH DYMM berkenan mendengarkan sembah penerangan daripada Pengarah Urusan Golden Corporation Sendirian Berhad, Richard Chuang (kiri), sementara gambar atas, baginda berkenan dijunjung dan melepaskan fry baby shrimp ke kolam udang. Baginda berkenan disembahkan bersama kakitangan syarikat di sepanjang laluan menuju ke tempat pelepasan fry baby shrimp (bawah kiri), sementara gambar bawah, suasana kolam udang milik Golden Corporation Sendirian Berhad.





KEBAWAH DYMM berkenan menyaksikan lebih dekat antara program dan aktiviti yang dijalankan di Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE), Tutong (atas dan kanan).



>> Muka 6

Baginda juga berkenan dijunjung bergambar ramai bersama Ahli-ahli Lembaga dan Kakitangan Golden Corporation Sendirian Berhad.

Bagi meneruskan lawatan, baginda berkenan berangkat melawat ke rumah para penerima Geran Tanah di bawah Skim Penggeranan Tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS) di Kampung Kandang, Mukim Pekan Tutong, iaitu milik Pengiran Mahmud bin Pengiran Bungsu dan rumah milik Awang Nasrul Arwadi bin Haji Nekman, di Kampung Kuala Tutong, Mukim Pekan Tutong.

Selepas itu, Kebawah DYMM berkenan berangkat melawat ke rumah Ketua Kampung Penabai dan Kuala Tutong, Mukim Pekan Tutong, Awang Mohammad Sofiyuddin bin Mohammad Serudin, di mana keberangkatan baginda dijunjung dan dialu-alukan dengan Persembahan Guling Tangan, yang disebarkan oleh Kumpulan Sang Jati Bisaya dari Kampung Batang Mitus.

Baginda turut berkenan singgah, melawat dan melihat lebih dekat rumah milik Dayang

Hajah Naimah binti Haji Dollah, di Kampung Penabai, Tutong, di mana beliau juga merupakan salah seorang Penerima Elaun Bercelaru Mental dari Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; serta penerima bantuan daripada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Sebelum berangkat ke Majlis Santap di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Daerah Tutong, baginda berkenan singgah ke Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE), Daerah Tutong.

PKWE, Tutong mula ditubuhkan pada 10 Julai 2017 oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat serta dirasmikan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Objektif penubuhannya adalah untuk menyediakan platform kepada warga emas untuk mengongsikan pengalaman serta kepakaran mereka, di samping menggalakkan penglibatan dan kerjasama pelbagai pihak dalam pembangunan warga emas melalui pendekatan Whole of Nation.



KEBAWAH DYMM berkenan dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama Ahli PKWE, Tutong.

Keahlian PKWE, terdiri daripada lapan mukim dan lima masyarakat, iaitu dari Mukim Pekan Tutong, Keriam, Kiudang, Telisai, Tanjong Maya, Lamunin, Rambai dan Ukong, manakala

masyarakat utama terdiri daripada puak Tutong, puak Dusun, puak Kedayan, masyarakat Tiong Hwa dan masyarakat Iban.

Antara pelaksanaan program dan aktiviti di PKWE, termasuk program keagamaan, program pembelajaran sepanjang hayat (life-long learning), program kesihatan, program sosial dan rekreasi serta program keusahawanan.

Lawatan Kebawah DYMM ke beberapa buah institusi pendidikan, syarikat-syarikat

swasta dan NGO adalah sempena keberangkatan baginda ke Majlis Penyempurnaan Penganugerahan Penggeranan Tanah-tanah Lesen Tumpang Sementara di bawah Skim Penggeranan Tanah Lesen Tumpang Sementara bagi Daerah Tutong dan Daerah Belait serta Penyerahan Anak-anak Kunci Rumah Teres di bawah Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang bagi Daerah Tutong, yang berlangsung di Dewan PTET.



KEBAWAH DYMM berkenan berangkat ke Majlis Santap di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Daerah Tutong (atas), sementara gambar kanan, antara yang hadir pada Majlis Santap berkenaan.



NBD, TIMOR-LESTE TINGKATKAN HUBUNGAN DUA HALA

Siaran Akhbar: Jabatan Perdana Menteri
Foto: Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Kerjasama, Republik Demokratik Timor Leste, Puan Yang Terutama Adaljiza Magno, yang mengadakan lawatan ke negara ini selama lima hari.

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Puan Yang Terutama telah berbincang mengenai meningkatkan hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Demokratik Timor-Leste, termasuk kerjasama dalam bidang ekonomi; pengangkutan; dan pendidikan; serta pertukaran antara penduduk dan belia.

Menyertai PYT pada Majlis Mengadap

tersebut adalah Menteri Pengangkutan dan Perhubungan, Tuan Yang Terutama José Agostinho da Silva; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke NBD, Tuan Yang Terutama Abel Gutterres.

Juga hadir, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd Yusof; dan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Kerjasama, Republik Demokratik Timor Leste, Puan Yang Terutama Adaljiza Magno.



Berkenan menyempurnakan penyampaian hadiah BICTA 2022



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Masri Osman, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

>> Muka 1

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha; Timbalan Menteri, Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw selaku Pengerusi Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI); Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof

ANTARA yang menghadiri Majlis Anugerah BICTA 2022 tersebut.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Penaung Diraja Anugerah ICT Brunei (BICTA) berkenan berangkat ke Majlis Anugerah BICTA 2022 bertempat di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD) (atas kiri dan atas).

selaku Pengerusi Bersama I Jawatankuasa Pandu BICTA 2022 dan Pengerusi InfoCom Federation Brunei (IFB), Pengiran Sarimah binti Pengiran Haji Abdul Latiff selaku Pengerusi Bersama II Jawatankuasa Pandu BICTA 2022.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang

dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Metassan bin Haji Tahir.

Majlis kemudian disusuli dengan sembah alu-aluan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

>> Muka 9





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM selaku Penaung Diraja BICTA berkenan dijunjung bagi sesi bergambar ramai pada Majlis Anugerah BICTA 2022.

>> Muka 8

Pada majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menyaksikan tayangan video

mengenai Kisah-kisah Kejayaan BICTA (BICTA Success Stories) yang memaparkan pengalaman beberapa peserta BICTA yang berjaya memajukan produk mereka selanjutnya selepas

bertanding di dalam BICTA dan diikuti dengan video Catatan Perjalanan BICTA 2022 yang menunjukkan kompilasi aktiviti dan pengalaman para peserta sejak BICTA sepanjang tahun 2021 dan 2022.

Ulasan keputusan bagi BICTA 2022 diumumkan oleh Pengerusi IFB, Pengiran Sarimah selaku Ketua Hakim bagi Anugerah BICTA 2022.

DYTM seterusnya berkenan menyempurnakan pengurniaan penghargaan kepada hakim-hakim dan kemudian berkenan menyempurnakan pengurniaan kepada pemenang Anugerah BICTA 2022 bagi Kategori Industri ICT, Kategori Pengajian Tinggi dan Kategori Sekolah, Anugerah Khas dan Anugerah Penaung Diraja.

Pada majlis itu, DYTM seterusnya berkenan menerima

pesambah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Pesambah berkenaan merupakan sebuah buku dengan teknologi Augmented Reality, berjudul 'Ristaan Kenangan BICTA', yang dihasilkan oleh anak tempatan dari UBD.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYTM berkenan berangkat bagi Majlis Santap dan seterusnya berkenan menyertai sesi bergambar ramai.

BICTA pada tahun ini bertemakan 'Negara Pintar Melalui Transformasi Digital', selaras dengan visi Majlis Ekonomi Digital dan Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 yang memfokuskan kepada pentingnya memanfaatkan teknologi digital bagi perkembangan sosio-ekonomi dan memperkayakan

masyarakat dengan kemahiran dan pengetahuan bagi menyertai ekonomi digital secara efektif.

Dengan kadar penggunaan ICT yang tinggi di Negara Brunei Darussalam (NBD), adalah dihasratkan generasi digital akan dapat mengambil manfaat dalam menghasilkan teknologi atau produk serta penyelesaian yang inovatif untuk meningkatkan kualiti hidup dan memudahkan cara pelbagai urusan harian, pembelajaran dan perniagaan yang mana akan menjurus kepada kemajuan ekonomi dan sosial bagi negara ini.

Ini juga adalah sebagai usaha bagi mendukung inisiatif transformasi digital untuk menjadikan NBD sebagai sebuah Negara Pintar (Smart Nation).

BICTA merupakan acara tahunan yang dianjurkan bersama oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), AITI dan IFB.

Ia turut disokong oleh Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Darussalam Enterprise (DARE) dan Pejabat Harta Intelek Brunei Darussalam (BrulPO).

Diperkenalkan pada tahun 2004, BICTA juga merupakan komponen di bawah Asia-Pacific ICT Alliance Awards (APICTA), di mana kualiti dan kategori yang dibuka adalah selaras dengan piawaian APICTA.

Objektif BICTA adalah bagi menggalakkan inovasi dan kreativiti dalam teknologi infokomunikasi dalam kalangan individu, pelajar-pelajar, syarikat-syarikat kecil dan sederhana dan organisasi yang berminat.

Selain itu, ia bertujuan untuk memberi tanda aras untuk pembangunan produk ICT tempatan dan mengenal pasti produk ICT tempatan yang paling inovatif di NBD.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima pesambah pada majlis tersebut.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menyempurnakan pengurniaan penghargaan kepada hakim-hakim dan para pemenang Anugerah BICTA 2022 bagi Kategori Industri ICT, Kategori Pengajian Tinggi dan Kategori Sekolah, Anugerah Khas dan Anugerah Penaung Diraja serta menandatangani lembaran kenangan (kiri dan kanan).



PARA hadirin menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Metassan bin Haji Tahir (kiri dan kiri sekali).

PEMENANG BICTA 2022 DIRAI



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Penaung Diraja Anugerah ICT Brunei (BICTA) berkenan menyempurnakan pengurniaan anugerah kepada Kumpulan Kementerian Kesihatan dengan produk mereka, BruHealth yang diumumkan sebagai penerima Anugerah Penaung Diraja pada Anugerah ICT Brunei (BICTA) 2022 (kiri), sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyempurnakan pengurniaan anugerah kepada juara bagi Kategori Sekolah yang disandang oleh Chung Hwa Middle School, BSB dengan nama produk AI CARE.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Masri Osman, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TUNGKU LINK, Khamis, 7 Julai. - Produk Kementerian Kesihatan, iaitu BruHealth muncul juara bagi Kategori Industri ICT sekali gus diumumkan sebagai penerima Anugerah Penaung Diraja pada

Majlis Anugerah ICT Brunei (BICTA) 2022.

Juara membawa pulang sebuah trofi sumbangan Imagine Sdn. Bhd., sijil dan hadiah wang tunai BND10,000.



Tempat kedua disandang oleh Techbru Solution (B) Sdn. Bhd. dengan nama produk KedaiPOS yang membawa pulang sebuah trofi sumbangan Dynamik Technologies Sdn. Bhd., sijil dan wang tunai BND5,000 manakala tempat ketiga ialah Network Integrity Assurance Technologies (NIAT) Sdn. Bhd. dengan nama produk OBSERVE™ membawa pulang sebuah trofi sumbangan Alif Technologies Sdn. Bhd., sijil dan wang tunai BND2,500.

Bagi Kategori Pengajian Tinggi, tempat kedua disandang oleh Universiti Teknologi Brunei (UTB) dengan nama produk Smart Paddy Irrigation System yang memenangi trofi sumbangan Dynamik Technologies Sdn. Bhd., sijil dan wang tunai BND3,500 disusuli tempat ketiga ialah UTB dengan nama produk Smart Waste Bin System with Beacon Technology membawa pulang sebuah trofi sumbangan Alif Technologies Sdn. Bhd., sijil dan wang tunai BND1,750, manakala

DYTM berkenan menyempurnakan pengurniaan anugerah kepada tempat ketiga bagi Kategori Sekolah, iaitu Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dengan nama produk SignSpeak.

tidak ada pemenang di tempat pertama.

Sementara itu, juara bagi Kategori Sekolah disandang oleh Chung Hwa Middle School, BSB dengan nama produk AI CARE memenangi trofi sumbangan Imagine Sdn. Bhd., sijil dan wang tunai BND3,000, tempat kedua disandang oleh Sekolah Menengah Berakas dengan nama produk MidoriSAWI membawa pulang trofi sumbangan Dynamik Technologies Sdn. Bhd., sijil dan wang tunai BND2,000 dan tempat ketiga ialah Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS) dengan nama produk SignSpeak yang membawa pulang trofi sumbangan Alif Technologies Sdn. Bhd., sijil dan wang tunai BND1,000.

Selain daripada memenangi hadiah wang tunai dan trofi, para pemenang dalam setiap kategori juga berpeluang untuk mewakili Negara Brunei Darussalam ke Anugerah Asia Pacific ICT Alliance (APICTA) 2022 yang akan diadakan pada penghujung tahun ini.

Anugerah APICTA merupakan pertandingan ICT pada peringkat antarabangsa yang berprestij,

disertai oleh 16 ahli ekonomi dari rantau Asia Pasifik.

Sejak penyertaannya di APICTA pada tahun 2008, Negara Brunei Darussalam setakat ini telah meraih dua anugerah kemenangan dan 27 merit.

Sementara itu, Anugerah Khas bagi Teknologi Internet of Things (IoT) dianugerahkan kepada BruloT dengan nama produk LoRa Based Relay manakala Anugerah Khas bagi Teknologi Artificial Intelligence (AI) dianugerahkan kepada CodeBit Company dengan nama produk AI Pipeline for Receipts Digitisation.

Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) / UTB diumumkan sebagai penerima Anugerah Khas bagi Teknologi Big Data Analytics dengan nama produk Road Accident Data Enhancement and Development (RADED), Anugerah Khas bagi Start-Up pula dianugerahkan kepada Thryffy Technologies dengan nama produk Thryffy manakala tidak ada penerima Anugerah Khas bagi Projek Penyelidikan dan Perkembangan.

Pemenang-pemenang bagi Anugerah Khas menerima plak sumbangan Folec Communications Sdn. Bhd. dan sijil.

Galak perkembangan produk melalui BICTA Level Up

TUNGKU LINK, Khamis, 7 Julai. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menyempurnakan, sebanyak 51 penyertaan diterima bagi Anugerah ICT Brunei (BICTA)



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi ketika sembah alu-aluan.

pada tahun ini dan ia merupakan peningkatan sebanyak 27 peratus jumlah penyertaan berbanding dengan tahun sebelumnya.

Seperti selazimnya jua sembah Yang Berhormat, pemenang-pemenang BICTA berpeluang untuk mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Pertandingan Asia Pacific ICT Alliance (APICTA) Awards pada penghujung tahun ini dan bersaing dengan peserta-peserta dari 15 ahli ekonomi lain dari rantau Asia-Pasifik.

"Bagi tahun 2022, BICTA juga memperkenalkan Program BICTA Level Up untuk menggalakkan perkembangan produk dan memastikan kesinambungan peserta-peserta BICTA," sembah Yang Berhormat semasa Majlis BICTA 2022 bertempat di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Melalui Program BICTA Level

Up sembah Yang Berhormat, beberapa buah syarikat tempatan, iaitu Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Imagine, Progresif, Dynamik Technologies dan Shell LiveWIRE Brunei tampil sebagai BICTA Supporting Partners, dengan memberikan sokongan melalui inisiatif masing-masing bagi mengasah potensi produk dan peserta BICTA yang terpilih.

Sembah Yang Berhormat, sokongan seumpama ini menunjukkan kesepakatan dalam sama-sama bergerak ke arah hasrat menjadikan NBD sebagai sebuah Negara Pintar melalui Transformasi Digital.

Yang Berhormat seterusnya menyempurnakan, BICTA juga telah melakar satu pencapaian dengan penubuhan BICTA Alumni pada tahun 2021, dengan objektif untuk mengumpulkan peserta-peserta BICTA yang lalu.

Sembah Yang Berhormat lagi,

BICTA Alumni telah bergiat aktif mengadakan beberapa aktiviti bagi menghubungkan ahli-ahli dengan para penggiat industri, pakar-pakar teknikal serta memudah cara peluang kerjasama dengan rakan-rakan kongsi.

"Alhamdulillah, dengan adanya BICTA, para peserta memperoleh manfaat untuk memaparkan dan menentengahkan produk-produk mereka.

"Alhamdulillah melalui landasan ini, Hamba Duli Tuanku mewakili Ahli-ahli Jawatankuasa Pandu dan Jawatankuasa Kerja BICTA berbangga untuk mengongsikan bahawa ada di antara produk-produk yang dipertandingkan pada mulanya sebagai peringkat idea atau prototaip telah berjaya dimajukan ke tahap komersial sehingga berhasil menembusi pasaran yang kompetitif," sembah Yang Berhormat.

Terdahulu Yang Berhormat menyempurnakan, keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri setentunya adalah pendorong kepada penghasilan produk dan *digital solutions* yang inovatif dan selaras dengan perkembangan dan keperluan semasa.

Seterusnya sembah Yang Berhormat, keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah juga menggambarkan galakan Duli Yang Teramat Mulia kepada penggiat industri dan belia untuk terus berkembang, bekerjasama dan mendukung persaingan sihat.



PMKS PACU KEPELBAGAIAAN AKTIVITI EKONOMI

Siaran Akhbar dan Foto : The Asia Pacific Economic Cooperation Business Advisory Council

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ketika menyampaikan ucapan perasmian dan melancarkan Program Ekonomi Brunei.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Julai. - Bagi meningkatkan amalan-amalan yang mampan untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) Majlis Penasihat Perniagaan (ABAC) menganjurkan Bengkel Pendidikan dan Latihan.

Matlamat bengkel tersebut adalah untuk mengenal pasti cadangan kukuh, yang boleh diberikan kepada Pemimpin APEC tentang cara menyokong PMKS, dalam perjalanan kemampan mereka, melalui pendidikan dan latihan.

Lebih 300 orang dari seluruh Asia Pasifik mendaftar ke bengkel tersebut, yang turut menandakan Pelancaran Program Ekonomi Brunei, bertujuan untuk menghubungkan isu APEC dan ASEAN bersama pihak berkepentingan ekonomi Brunei.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menyampaikan ucapan perasmian dan melancarkan Program Ekonomi Brunei.

Yang Berhormat yakin program ini boleh menjadi platform yang membawa sektor swasta dan awam bersama-sama ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

"Di samping itu, program ini juga akan menyokong usaha

Kerajaan Brunei terhadap 'Pemulihan, Kemampanan dan Pendigitalan' dengan melibatkan komuniti perniagaan tempatan dan antarabangsa - selaras dengan Pelan Tindakan Ekonomi Brunei Darussalam yang bertujuan untuk mencapai ekonomi yang dinamik dan mampan menjelang 2035," Jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat, seterusnya berkata kepentingan PMKS tidak boleh dipandang remeh. Di rantau APEC, PMKS membentuk lebih 97 peratus daripada semua perniagaan, menggaji lebih separuh daripada tenaga kerja di seluruh ekonomi APEC dan memainkan peranan penting, dalam memacu kepelbagaian aktiviti ekonomi.

Pandangan beliau itu, turut disuarakan oleh Pengarah Eksekutif Kumpulan Syarikat LVK, Ahli ABAC Brunei dan Pengerusi Bersama APEC BAC MSME dan Kumpulan Kerja Inklusif, Hafimi Abdul Haadi, yang berkata, "Hasil bengkel akan menyumbang ke arah laporan Majlis Penasihat Perniagaan APEC untuk Pemimpin dan kami berharap ia juga akan memberikan cadangan kepada sektor awam dan swasta untuk membantu PMKS kami menjadi lebih mampan dan inklusif, demi kesejahteraan komuniti perniagaan".

Dalam ucapan alu-aluannya, Dato Rohana Mahmood selaku Pengerusi, Rakan Kongsi dan Pengasas RM Capital Partners, Ahli ABAC Malaysia dan Pengerusi ABAC MSME and Inclusiveness Working Group berkata, PMKS diakui sebagai pemacu pertumbuhan dan pembangunan ekonomi dalam rantau APEC.

Namun, jelasnya, semuanya berubah disebabkan COVID-19. Gangguan yang dibawanya ke atas landskap perniagaan yang luas, banyak menyerlahkan kelemahan PMKS kepada kejutan ekonomi yang teruk. Memandangkan ekonomi mula memasuki fasa endemik adalah penting bagi pemimpin, menteri dan penggubal dasar APEC melihat, untuk

memanfaatkan tempoh peralihan, sebagai peluang untuk menetapkan semula butang dan menggiatkan semula serta mengembangkan semula ekonomi mereka.

Bengkel ini menampilkan dua perbincangan panel yang meneroka kepentingan 'Pendidikan dan Latihan' dan 'Kemahiran untuk Zaman Digital'; dan penceramah dari ABAC dan tokoh antarabangsa kanan dari Google, LINE, SGTech, UPS, Darussalam Enterprise dan Bank Baiduri serta Bank Pembangunan Asia serta UNESCAP.

Para peserta juga mendengar bagaimana B20 Indonesia membantu PMKS.

Ia juga dipersetujui bahawa memandangkan jejak PMKS merentasi APEC, mereka memainkan peranan penting dalam menjadi mesra iklim dan mencapai prinsip Matlamat Pembangunan Mampan, iaitu 'Leave No One Behind'.

Dengan melengkapkan PMKS dengan pendidikan dan latihan yang betul, mereka boleh memberi kesan pada pekerjaan, pengurangan kemiskinan dan pertumbuhan inklusif serta mampan.

Pendigitalan memainkan



ANTARA ahli panel pada bengkel berkenaan (atas dan bawah).

peranan penting, dalam membantu PMKS mengharungi wabak tersebut, ia juga membantu mengurangkan kesan perniagaan dan pengguna terhadap alam sekitar.

Normal baharu mencipta peluang untuk menjangkau pelanggan baharu, mengurangkan kos dan mengakses perkhidmatan kewangan, bagaimanapun cabaran juga diwujudkan dalam bentuk keselamatan siber, keselamatan data serta penipuan digital yang boleh menghalang penggunaan digital dalam kalangan PMKS.

Apabila ditanya bagaimana

PMKS boleh menjadi lebih hijau? Ketua inovasi, Inisiatif Strategik Global di Google, Darren Thayre merumuskan perbincangan dengan baik dengan berkata, 'Ia memerlukan penglibatan untuk mencapai beberapa matlamat, perkongsian adalah kuncinya'.

Program Ekonomi Brunei dihoskan oleh Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN dan APEC Brunei dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta bekerjasama dengan Bank Baiduri, Radio Televisyen Brunei dan Brunei Press.

1,415 kes disahkan sembuh

Oleh : Srinarawie Bidzah
Infografik : Kementerian Kesihatan

>> Muka 1

Manakala bagi Program Vaksinasi setakat 8 Julai 2022, sebanyak 76.6 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun telah menerima dua dos vaksin dan sebanyak 50.8 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun telah menerima tiga dos vaksin COVID-19.

Sebanyak 73.6 peratus rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan tiga dos vaksin sementara 3.8 peratus telah menerima empat dos vaksin COVID-19.



3.3 peratus penduduk dilengkapi 4 dos vaksin

Oleh : Dk. Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Julai. - Sebanyak 1,179 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh di Negara Brunei Darussalam meningkat kepada 166,383.

Menurut infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19, yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan, empat kes sedang berada dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan, di Unit Rawatan Intensif (ICU), sementara lapan kes sedang berada dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Manakala bagi Program Vaksinasi setakat 6 Julai 2022, sebanyak 76.1 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 50.5 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin COVID-19.

Sebanyak 73.4 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin sementara 3.3 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.

COVID-19 : 1,253 kes sembuh

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Julai. - Sebanyak 1,253 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh kepada 167,636.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19, yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, sebanyak lima

kes berada di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Sementara itu, sebanyak empat kes berada dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan, di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Manakala, satu kes COVID-19 meninggal dunia.

Bagi program vaksinasi setakat 7 Julai 2022, sebanyak 76.3 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 50.6 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Sebanyak 73.5 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 3.6 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.

KERJASAMA PENDIDIKAN BRUNEI - OMAN DIPERLUASKAN

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



YANG Berhormat Menteri Pendidikan ketika berucap.

>> Muka 1

"Saya amat berharap melalui MoU ini, kerjasama di antara institusi pengajian tinggi di Negara

Brunei Darussalam dan Kesultanan Oman akan lebih kukuh dan berkembang melalui pelbagai aktiviti yang dirancang.

"Saya tidak ragu-ragu bahawa program, seperti pertukaran di peringkat mahasiswa, akademik dan kerjasama penyelidikan akan membuka lebih banyak peluang perkongsian kepakaran, pengetahuan serta pengalaman, yang akan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak," jelasnya.

Menurut Yang Berhormat, Brunei Darussalam dan Oman menikmati hubungan mesra selama bertahun-tahun sekarang.

Dalam Bidang Pendidikan, katanya, pelbagai pertukaran

lawatan berlangsung sejak Memorandum Persefahaman (MoU) yang pertama di antara Kerajaan Kesultanan Oman dan Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dalam Bidang Pendidikan yang lebih tinggi, pendidikan dan latihan ditandatangani semasa Lawatan Menteri Pengajian Tinggi Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam, pada Oktober 2007.

Sejak itu, terangnya, kerjasama

pendidikan, terutamanya di antara beberapa institusi pendidikan tinggi kita telah membuahkan hasil.

"Saya juga difahami, bahawa UBD mempunyai Memorandum Persefahaman sedia ada bersama Sultan Qaboos University serta Perjanjian Pertukaran Pelajar bersama Sultan Qaboos University dan University of Nizwa.

"Alhamdulillah, terdapat pelajar bukan siswazah dari Oman yang datang ke UBD serta mahasiswa *discovery year* dari UBD ke Oman.

"Begitu juga, ia menggembirakan saya apabila mengetahui bahawa mahasiswa dari UNISSA kerap

menghadiri kursus di Sultan Qaboos University dan Sultan Qaboos College, dalam Bidang Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab," katanya.

Yang Berhormat juga berbesar hati kerana UNISSA dan Kedutaan Kesultanan Oman juga bekerjasama rapat semasa Pesta Buku Brunei dan Perkhemahan Serantau Bahasa Arab, pada tahun 2020.

Sebaliknya, tambahnya lagi, Universiti Teknologi Brunei menjalankan Kerjasama Penyelidikan bersama College of Applied Sciences, Sohar, Oman; dan Salalah College of Technology, Oman.

Brunei - Oman meterai MoU dalam Bidang Pengajian Tinggi



YANG Berhormat Menteri Pendidikan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Kesultanan Oman mengenai kerjasama dalam Bidang Pengajian Tinggi bagi pihak Negara Brunei Darussalam dan bagi pihak Kesultanan Oman, Duta Besar Kesultanan Oman (atas dan atas kanan).

TUNGKU LINK, Khamis, 7 Julai. - Forum Pendidikan Dialog Kerjasama Kesultanan Oman - Brunei Darussalam, diadakan di Bilik Persidangan Institut Kepimpinan, Inovasi dan Kemajuan (ILIA), Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Forum merupakan anjuran bersama Kedutaan Kesultanan Oman di Negara Brunei Darussalam dan UBD sebagai sebahagian daripada siri acara, di bawah Dialog Kerjasama Kesultanan Oman - Brunei Darussalam, mulai 5 hingga 7 Julai 2022, sempena Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Brunei Darussalam - Kesultanan Oman yang Ketiga (BOJC Ke-3).

Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Kesultanan Oman mengenai kerjasama dalam Bidang Pengajian Tinggi juga ditandatangani semasa forum tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Forum turut dihadiri secara maya oleh Menteri Pengajian Tinggi, Penyelidikan dan Inovasi, Kesultanan Oman, Puan Yang Terutama Dr. Rahma binti Ibrahim Al Mahrouqi.

Juga hadir, Duta Besar Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama

Sheikh Ahmed bin Hashil Al-Maskari; dan Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle serta pegawai kanan kerajaan dan para pelajar dari institusi pengajian tinggi, di Negara Brunei Darussalam.

Terlebih dahulu dalam ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Sheikh Ahmed, antara lain berkongsi bahawa forum bertujuan untuk memberi penerangan mengenai peluang untuk memajukan kerjasama dua hala di antara Kesultanan Oman dan Brunei Darussalam dalam Bidang Pendidikan.

Mengulas lanjut mengenai kepentingan forum, TYT berkata forum pendidikan tersebut akan memberi tumpuan, antara lain untuk mempromosikan Kesultanan Oman dan Brunei Darussalam sebagai destinasi yang menarik, tetapi boleh dipercayai untuk meneruskan pendidikan berkualiti tinggi berkat persekitaran yang aman dan tenang kedua-dua negara yang kondusif untuk belajar serta pencapaian akademik, di samping infrastruktur penyelidikan yang cemerlang dan ahli akademik yang kompeten, yang ditawarkan oleh universiti serta institut pengajian tinggi kedua-dua negara.

TYT seterusnya menyatakan, forum hari ini juga menyediakan peluang yang sempurna untuk mengukuhkan dan meluaskan hubungan serta interaksi di antara universiti, di Kesultanan Oman dan Brunei Darussalam.

Forum diselenggarakan dengan

Penandatanganan MoU di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Kerajaan Kesultanan Oman mengenai Kerjasama dalam Bidang Pengajian Tinggi.

Menandatangani bagi pihak Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Pendidikan dan bagi pihak Kesultanan Oman, Duta Besar Kesultanan Oman.

MoU tersebut merasmikan kerjasama yang semakin kukuh dan berkembang dalam pendidikan tinggi di antara Negara Brunei Darussalam dan Kesultanan Oman.

Acara diteruskan dengan forum bertema, 'Transformasi Kerjasama Antarabangsa dalam Era Digital', yang menampilkan perbincangan oleh para panel, iaitu Canselor University of Nizwa, Profesor Ahmed Khalifan Al-Rawahi; dan Penolong Naib Canselor (Hal Ehwat Global) UBD, Dr. Joyce Teo Siew Year.

Sementara moderator forum, Pengarah Perhubungan Global UBD, Dr. Sabrina binti Dato Paduka Haji Mohd. Daud.

Di dalam era digital selepas pandemik, kerjasama antarabangsa di antara universiti di seluruh dunia berubah dalam kedua-dua skop dan dalam mempercepat serta memperdalam penggunaan teknologi digital untuk meningkatkan akses dan peluang untuk kedua-dua penyelidik serta pelajar, di seluruh dunia.

Pandemik membantu mempercepatkan transformasi digital dan mencipta landskap yang akan terus menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat, hibrid pembelajaran dan Pembelajaran Antarabangsa Dalam Talian Kolaboratif (COIL).

UBD dan Sultan Qaboos University mempunyai perkongsian akademik yang dirasmikan melalui MoU serta perjanjian seorang pertukaran pelajar.

UBD turut bekerjasama dengan University of Nizwa dalam Perjanjian Pertukaran Pelajar.

Melalui perkongsian ini, mahasiswa *discovery year* UBD kerap menghabiskan satu semester untuk pengajian mereka dengan Program Luar Negara, di Kesultanan Oman dan mahasiswa Oman juga kerap menyertai Inbound UBD Program Pertukaran Semester dan Global Discovery Programme (GDP) atau Program Musim Panas.





كمترين كصيحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Suntikan  **AKSIN**
COVID-19 diberikan
secara **PERCUMA**
kepada semua
rakyat dan
penduduk yang
bermastautin di
Negara Brunei
Darussalam



www.moh.gov.bn |    148

BAHASA MELAYU : IDENTITI JATI DIRI TETAP DIJAGA, DIPELIHARA

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Julai. - Tema Bulan Bahasa tahun ini, iaitu Memperkasakan Bahasa Melayu, mengandungi perutusan yang menuntut kita menggalas amanah dengan penuh kesedaran bahawa bahasa Melayu merupakan jati diri bangsa, bangsa Brunei, yang wajar diperkasakan oleh setiap peringkat masyarakat di negara ini.

Justeru, untuk merealisasikan hasrat yang murni ini, ia memerlukan sinergi semua pihak baik dalam kalangan kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan mahupun dalam kalangan sektor swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), dan orang perseorangan di Negara Brunei Darussalam (NBD) ini.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad pada Majlis Sambutan Bulan Bahasa

yang berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Berakas, di sini.

Semua pihak menurut Yang Berhormat, memainkan peranan yang amat mustahak ke arah menyedari kepentingan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian kita senegara, demi mengangkatnya ke martabat yang selayaknya.

"Dalam kitani mendepani era Revolusi Industri 4.0, kita hendaklah lebih kreatif dalam memperkasakan bahasa Melayu. Dalam Resolusi Kongres Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu yang diadakan baru-baru ini juga ada menyatakan bahawa bahasa Melayu bukanlah penghalang untuk memperoleh ilmu yang berkualiti termasuk dalam bidang sains dan teknologi. Marilah kita meningkatkan usaha melalui pendekatan senegara untuk sama-sama giat

memartabatkannya terutama dalam mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya berkata, kerancakan Revolusi Industri dan bahana COVID-19 banyak mengubah gaya hidup kita dengan norma baharu, dan ini sudah setentunya tidak bermakna kita juga perlu mengubah kebudayaan kita, apalagi kegunaan bahasa kita. Ini bukan menjadi batu penghalang bagi masyarakat kita belajar bahasa asing kerana kita juga mengakui bahawa ilmu itu banyak bersumberkan bahasa asing.

Tambah Yang Berhormat, tinggal sahaja kebijakan kita untuk memanfaatkan ilmu dan kecanggihan teknologi di samping menyaring pelbagai budaya yang bersesuaian dengan falsafah negara, iaitu falsafah Melayu Islam Beraja yang semua ini bertujuan agar identiti dan jati diri kita tetap terjaga dan dipelihara.

Oleh yang demikian tekan Yang

Berhormat, di sinilah pentingnya pelbagai langkah bagi bahasa Melayu untuk terus dimartabatkan dan diperkasakan dengan penganjuran pelbagai inisiatif dan aktiviti secara pendekatan senegara.

Pada masa yang sama menurut Yang Berhormat, untuk terus memperkasakan bahasa Melayu, marilah kita bersama-sama melihat ke hadapan dengan mengukuhkan dasar yang telah dimantapkan dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959, surat-surat keliling, perundangan, dan program pemerkasaan bahasa Melayu agar bahasa rasmi ini terus diguna pakai dan diamalkan oleh seluruh lapisan rakyat dan penduduk di NBD ia kekal sebagai sebuah bahasa dunia yang berilmu tinggi.

"Tuntasnya, dalam mendukung hasrat ini, kumpulan penutur bahasa Melayu perlu terus memainkan peranan utama untuk terus mengembangkan bahasa Melayu dalam landasan masing-masing dengan lebih



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika berucap.

terancang, menggunakan daya ungkap yang tinggi dan bermutu.

"Dengan yang demikian, marilah kita sama-sama berganding bahu menggalas usaha untuk memperkasakan bahasa Melayu kerana ia merupakan tanggungjawab bersama.

"Inilah Amanah negara kepada kitani semua sama ada dalam sektor-sektor kerajaan atau sektor awam yang perlu kita tanai dengan sebaiknya, sebagai anak jati Brunei yang cinta kepada bahasa ibundanya dan tanah airnya," ujar Yang Berhormat.

Bersama Melestarikan, Memperkasakan Bahasa Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Julai. - Bulan Bahasa dianjurkan bagi memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara dan jati diri bangsa; memupuk rasa kepemilikan bersama terhadap bahasa Melayu; memasyarakatkan bahasa Melayu melalui keikutsertaan orang ramai serta menggemakan dan menyemarakkan Sambutan Bulan Bahasa ke seluruh negara.

Sehubungan itu, Majlis Sambutan Bulan Bahasa pada tahun ini diadakan secara hibrid, iaitu secara fizikal di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Berakas, manakala secara maya melalui aplikasi Zoom dan penstriman langsung menerusi media sosial Facebook Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, seterusnya melancarkan Sambutan Bulan Bahasa 2022, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Majlis Sambutan Bulan Bahasa 2022 dimulai dengan bacaan Selawat Tafrjiyyah secara beramai-ramai yang dipimpin oleh Awang Mohammad Hardi bin Mahdeli, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat.

Seterusnya, bacaan Ikrar Bahasa yang dipersembahkan oleh pegawai dan kakitangan DBP, diketuai oleh penerima Anugerah Duta Bahasa 2015, Awang Irwan Rino bin Nordin.

Majlis diteruskan lagi dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab selaku Pengerusi Majlis, yang antara lain berkata, sebagai institusi yang bertanggungjawab dalam memartabatkan bahasa Melayu di negara ini, DBP akan terus berjuang memperkasakan bahasa Melayu.

Tambahnya, selari dengan upaya kita beradaptasi dengan situasi masa kini, DBP juga mengoptimalkan penggunaan platform digital dalam memastikan pemasyarakatan bahasa Melayu menembusi jangkauan luas.

Dalam erti kata ujamnya, seluruh masyarakat dan khalayak dapat turut sama menjiwai Bulan Bahasa.

Tanpa dukungan masyarakat menurutnya, Bulan Bahasa tidak akan bergerak jauh dan malah, peranan setiap individu itu perlu dipertingkatkan sebagai tanggungjawab sosial.

Melestarikan dan memperkasakan bahasa Melayu tekannya, memerlukan sifat dedikasi, umpamanya menyerlahkan dan menguasai penggunaan bahasa Melayu yang baik dan benar dalam media massa serta persuratan Melayu.

Penguasaan bahasa Melayu baku/standard jelasnya lagi, perlu dikuasai sebaik mungkin sebagai bahasa ilmu yang bernilai intelek dan berupaya diketengahkan secara global.

Oleh itu menurutnya, generasi penerus memainkan peranan besar dan sewajarnya memiliki semangat, jiwa besar, serta keiltizaman yang tinggi agar mampu menjadi perancang yang mempunyai perspektif dan sudut pandang strategi dalam memastikan kedayatahan dan kedaulatan bahasa Melayu.

Majlis seterusnya disusuli dengan ucapan Perasmian Sambutan Bulan Bahasa 2022 dan Kegiatan-kegiatan Sepanjang Tahun 2022 serta Pelancaran Buku-buku Terbaharu oleh tetamu kehormat majlis.

Sebanyak empat buah buku baharu dilancarkan, iaitu Dinamika Bahasa Melayu Jilid I; Istilah Kekerabatan Dialek Melayu Kedayan; Riak Bahasa Bil. 29; dan Buku Mini Bahasa Melayu Brunei Edisi ke-9.

Majlis juga diserikan lagi dengan persembahan Deklamasi Sajak oleh mahasiswi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dayang Nur Faizah binti Mohamad Khairol Azmi, dengan sajak berjudul 'Siapa Aku?' nukilan Mataim Bakar, diikuti dengan Syarahan Bahasa Melayu berjudul 'Memperkasakan Bahasa Melayu : Sebuah Perjuangan Abadi' yang disampaikan oleh Elit Budaya, Dr. Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada sesi bergambar ramai di Pelancaran Sambutan Bulan Bahasa 2022.

Majlis berakhir dengan penyampaian cenderamata oleh tetamu kehormat majlis kepada penyampai Syarahan Bahasa, para hakim peraduan dan pendeklamator sajak.

Seterusnya, penyampaian hadiah kepada para pemenang Peraduan Sayembara Penulisan Novelet, Peraduan Menulis Folklor Tujuh Puak, dan Peraduan Menulis Buku Bergambar.

Bagi Sayembara Penulisan Novelet, penghormatan pertama disandang oleh Awang Pudarno bin Binchin dengan buku berjudul 'uteri Kukachin'; manakala penghormatan kedua dimenangi oleh Dayang Liyana binti Haji Julay dengan buku berjudul 'Hadiyatul Haramain'; dan penghormatan ketiga diberikan kepada Awangku Md. Nur Safiuddin bin Pengiran Haji Harun dengan buku berjudul 'Su.Ria'.

Sementara itu, bagi Peraduan Menulis Folklor Tujuh Puak pula, penghormatan pertama dimenangi oleh Dayang Hajah Armah binti Haji Bair dengan buku berjudul 'Si Belalong dengan Naga'; disusuli penghormatan kedua oleh Dayang Norhairunissa Radhiah binti Haji Bini dengan buku berjudul 'Asal Mulanya Kuala Belalong Ambuk Tunggal' dan penghormatan ketiga diberikan kepada Awangku Md. Nur Safiuddin bin Pengiran Haji Harun dengan buku berjudul

'Pangku Basman'.

Manakala, bagi Peraduan Menulis Buku Bergambar, penghormatan pertama diberikan kepada Awang Muhamad Norhadi bin Ibrahim dengan buku berjudul 'Ziqri dan Si Tenggiling'; diikuti penghormatan kedua diberikan kepada Awangku Md. Nur Safiuddin bin Pengiran Haji Harun dengan buku berjudul 'Nasihat Ibu Kepada Jimin'; dan Awang Muhamad Najmuddin bin Mohammad diberikan penghormatan ketiga dengan buku berjudul 'Kisah A, E, I, O, U'.

Tema Bulan Bahasa 2022 masih

mengekal tema pada tahun lepas, iaitu 'Memperkasakan Bahasa Melayu'.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS); Timbalan Setiausaha Tetap KKBS, ketua-ketua jabatan, para pegawai kanan, mantan Pengarah DBP, penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (The SEA Write Award), rakan strategik DBP, aktivis bahasa, sastera dan budaya, serta para penyarah dan mahasiswa mahasiswi institusi pengajian tinggi.



BACAAN Ikrar Bahasa yang dipersembahkan oleh pegawai dan kakitangan DBP, diketuai oleh penerima Anugerah Duta Bahasa 2015, Awang Irwan Rino bin Nordin.

NBD, TIMOR-LESTE TERUS TINGKATKAN KESALINGHUBUNGAN UDARA



Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

GADONG, Rabu, 6 Julai. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Kerajaan Republik Demokratik Timor-Leste menandatangani Perjanjian Perkhidmatan Udara dalam sebuah majlis yang berlangsung di Rizqun International Hotel, Gadong, di sini.

Menandatangani bagi pihak kerajaan, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Shamhary bin

Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, manakala Kerajaan Demokratik Timor-Leste diwakili oleh Menteri Pengangkutan dan Komunikasi, Tuan Yang Terutama Jose' Agostinho da Silva.

Penandatanganan Perjanjian Perkhidmatan Udara tersebut merupakan satu lagi pencapaian di dalam perhubungan dua hala di antara kedua-dua buah negara sejak menjalinkan hubungan diplomatik pada 20 Mei 2002.

ia akan menambah baik

kesalinghubungan udara serta membuka peluang-peluang kerjasama dalam industri penerbangan awam dan destinasi, seterusnya mendorong peningkatan hubungan ekonomi, sosial dan budaya di antara rakyat kedua-dua buah negara.

Turut hadir menyaksikan Majlis Penandatanganan tersebut ialah Menteri Luar Negeri dan Kerjasama Republik Demokratik Timor-Leste, Puan Yang Terutama Adaljiza Albertina Xavier Reis Magno dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke NBD, Tuan Yang

MENANDATANGANI Perjanjian Perkhidmatan Udara bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (NBD), Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, manakala Kerajaan Demokratik Timor-Leste diwakili oleh Menteri Pengangkutan dan Komunikasi, Tuan Yang Terutama Jose' Agostinho da Silva.

Terutama Abel Guterres.

Juga hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; Setiausaha Tetap; Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) MTIC serta pegawai-pegawai kanan dan eksekutif daripada agensi-agensi berkepentingan dari kedua-dua buah negara.

Sebelum Majlis Penandatanganan, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi telah menerima kunjungan hormat

■ **PENANDATANGANNAN Perjanjian Perkhidmatan Udara tersebut merupakan satu lagi pencapaian di dalam perhubungan dua hala di antara kedua-dua buah negara sejak menjalinkan hubungan diplomatik pada 20 Mei 2002.**

■ **IA akan menambahbaik kesalinghubungan udara serta membuka peluang-peluang kerjasama dalam industri penerbangan awam dan destinasi, seterusnya mendorong peningkatan hubungan ekonomi, sosial dan budaya antara rakyat kedua-dua buah negara.**

daripada Puan Yang Terutama Adaljiza Albertina Xavier Reis Magno dan Tuan Yang Terutama Jose' Agostinho da Silva untuk bertukar pandangan bagi mempertingkatkan kerjasama dalam Sektor Pengangkutan dan Infokomunikasi antara kedua-dua negara terutama dalam Sektor Pengangkutan Udara.

Semasa berada di negara ini, TYT Jose' Agostinho da Silva dan rombongan juga telah mengadakan lawatan kerja ke jabatan-jabatan dan pihak-pihak berkuasa di bawah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi bagi meninjau perkembangan Sektor Pengangkutan dan Infokomunikasi di negara ini.

Lawatan meliputi Kompleks Litar Latihan dan Ujian Memandu Kampung Sungai Akar, Jabatan Pengangkutan Darat, Jabatan Kajicua Brunei Darussalam, Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan Ibu Pejabat Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam (MPABD).

Semasa lawatan di MPABD, TYT juga mendengarkan taklimat dari Brunei Maritime Academy (BMA). TYT juga turut mengadakan lawatan ke Telephone House, Unified National Network (UNN) Sendirian Berhad di Sumbiling.

25 Ahli Persatuan BRC terima Surat Lantikan, Tauliah Pangkat



PRESIDEN Persatuan Bulan Sabit Merah (BRC) Negara Brunei Darussalam, Pengiran Dato Paduka Haji Mohd. Yusoff bin Pengiran Haji Bahar menyempurnakan pentauliah kepada Ahli Persatuan BRC Negara Brunei Darussalam yang diraikan (kiri dan kanan).

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

GADONG, Jumaat, 8 Julai. - Seramai 25 Ahli Persatuan Bulan Sabit Merah (BRC) Negara Brunei Darussalam, masing-masing menerima Surat Lantikan dan Tauliah Pangkat Ahli Lembaga Eksekutif Kebangsaan 2022-2024,

pada majlis yang berlangsung di Goldstone Ballroom, Hotel Centrepont Gadong, di sini.

Terdahulu majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Allah Peliharakan Sultan oleh Awang Md. Haziq Syafiq

Hidayatullah bin Haji Aliham dan sejarus itu, Pengumuman Lantikan Lembaga Eksekutif Kebangsaan, diumumkan oleh Sekretari Jeneral.

Hadir menyempurnakan pentauliah tersebut, Presiden Persatuan BRC Negara Brunei Darussalam, Pengiran Dato Paduka Haji Mohd. Yusoff bin

Pengiran Haji Bahar.

Majlis menyaksikan pentauliah bagi Tauliah Pangkat Penghormatan kepada Ahli Kehormat; Tauliah Pangkat Penghormatan kepada Penasihat Undang-Undang; Tauliah Pangkat kepada Timbalan Sekretari Jeneral II; Tauliah Pangkat kepada Ahli Lembaga Eksekutif Kebangsaan

2022-2024; Tauliah Pangkat kepada Ahli Jawatankuasa Unit Daerah, seterusnya Majlis Angkat Sumpah.

Atur cara juga diselenggarakan dengan Majlis Penyampaian BRC Medal of Honor kepada enam penaja Utama Operasi COVID-19 dan Majlis Penyampaian Surat Lantikan Ahli Jawatankuasa Sumber Dana serta Projek Khas kepada lima penerima.

BRC ditubuhkan dalam tahun 1991 dengan menyediakan bantuan kemanusiaan, disertai sekitar lebih daripada 1,300 sukarelawan, terdiri daripada kalangan belia dan pelajar sekolah-sekolah menengah, institusi-institusi pengajian tinggi dan universiti tempatan, termasuk sektor swasta serta awam.

Sebagai sebuah badan berkanun yang menjadi ahli kepada Pertubuhan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa, BRC turut memainkan peranan *auxiliary*nya di dalam perlembagaan untuk sama-sama memastikan keselamatan masyarakat serta negara di dalam apa jua ancaman, terutama sekali dalam menghadapi wabak penyakit berjangkit, seperti COVID-19.

Selain itu, BRC juga menjalankan pelbagai aktiviti dan program di peringkat kebangsaan yang tertumpu kepada memberikan perkhidmatan kepada masyarakat, termasuk bantuan pertolongan cemas BRC pertama, pengukuhan sukarelawan, pengurusan bencana dan kesediaan.

MENINGKATKAN INOVASI, PRODUKTIVITI DALAM INDUSTRI BAHARU

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

TUNGKU LINK, Rabu, 6 Julai. - Di sebalik hubungan ekonomi dan kerjasama khususnya dalam sektor telekomunikasi, pendidikan, makanan, perdagangan dan pelaburan, Kesultanan Oman dan Negara Brunei Darussalam (NBD) telah memeterai banyak perjanjian dan Memorandum Persefahaman dalam pelbagai bidang kerjasama. Sebagai contoh, termasuk kerjasama dalam sektor telekomunikasi antara Nex.Us Sendirian Berhad (sebelum ini dikenali sebagai Telekom Brunei Berhad) dan Bahwan CyberTek.

Kemudian, kerjasama dalam Sektor Pelaburan dengan penubuhan Syarikat Pelaburan Oman-Brunei (OBIC) serta kerjasama dalam sektor makanan iaitu antara OBIC dan Golden Corporation.

Perkara itu, antara yang dijelaskan oleh Setiausaha Tetap (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin selaku wakil peribadi Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid semasa The Sultanate of Oman-Brunei Darussalam Cooperation Dialogue yang berlangsung di Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

"Pelbagai inisiatif dan prinsip panduan termasuk The Brunei Darussalam Economic Blueprint yang telah dilancarkan pada tahun 2021, akan menjadi pendorong kepada ekonomi yang semakin berkembang, disokong oleh tadbir

urus yang kukuh, perniagaan berdaya tahan dan berkembang maju yang mampu memanfaatkan peluang ekonomi yang dicipta oleh Revolusi Perindustrian Keempat.

"Ini seterusnya akan membolehkan peningkatan inovasi, produktiviti dan daya saing beserta kemunculan industri baharu," jelasnya lagi.

NBD jelasnya lagi, mempunyai rejim cukai korporat yang menggalakkan pada kadar yang agak rendah, iaitu 18.5 peratus sehingga 100 peratus pemilikan asing dan mampu memberikan penjagaan dan perhatian sepenuhnya kepada syarikat Pelaburan Langsung Asing (FDI) melalui Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei.

Beliau seterusnya menjelaskan bahawa selain itu, NBD telah menyediakan akses pasaran kepada lebih daripada 2 bilion orang dengan penglibatannya dalam pelbagai Perjanjian Perdagangan Bebas, termasuk melalui FTA ASEAN dan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP).

Selain itu, NBD, bersama-sama negara jiran terdekat iaitu Indonesia, Malaysia dan Filipina, juga merupakan sebahagian daripada Kumpulan Ekonomi Sub-Serantau, Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) dengan populasi 75 juta orang.

Menurutnya lagi, semua faktor ini menjadikan NBD sebagai rumah pelaburan yang berdaya maju dan rakan dagangan dalam

BIMP-EAGA, sebuah ekonomi yang berkembang pesat di rantau ini, seterusnya melalui perkongsian dalam aktiviti pemindahan penghantaran, pembungkusan semula dan pemprosesan.

Di samping itu, ujarinya, OBIC telah meningkatkan dana sebanyak USD100 juta, menjadikan jumlah modalnya kepada USD200 juta untuk meningkatkan portfolionya dan meningkatkan asas pelaburannya. Tujuannya adalah untuk mengukuhkan dan meningkatkan asas pelaburan syarikat usaha sama itu kerana ia berhasrat untuk meneroka sektor baharu untuk pelaburan di kedua-dua negara, terutamanya dalam bidang pendidikan, pertanian, makanan dan perkhidmatan.

"Sementara itu, Sektor Hiliran juga telah berkembang agak stabil. Hengyi Industries Sendirian Berhad (Hengyi), syarikat usaha sama antara Zhejiang Hengyi Group (China) dan Strategic Development Capital Fund (SDC) (Brunei Darussalam), memulakan operasi Kompleks Petrokimia Bersepadu pada 2019, menghasilkan pelbagai petroleum dan petrokimia produk. Sejak itu, pengeluaran telah mencatatkan nilai eksport kira-kira USD7.4 bilion dan telah menyediakan anggaran 650 pekerjaan bernilai tinggi kepada penduduk tempatan," ujarinya.

Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. (BFI), jelasnya, sebuah Loji Ammonia-Urea milik penuh NBD muncul dalam talian pada Januari 2022 dan pada April tahun ini berjaya mengeksport sejumlah BND44.0 juta ke pelbagai negara. Jelas beliau lagi, dengan adanya



SETIAUSAHA Tetap (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi.



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam.

Hengyi dan BFI, NBD bersedia untuk meletakkan dirinya sebagai hab kimia di rantau ini.

"NBD mengalu-alukan minat pelaburan dalam semua sektor, khususnya dalam hiliran, makanan, pelancongan, perkhidmatan dan teknologi maklumat dan komunikasi.

"Sektor-sektor ini dikenal pasti berdasarkan kelebihan perbandingan kami dan potensi masa depan yang kukuh.

"Saya percaya bahawa terdapat begitu banyak potensi dan peluang untuk kita bekerjasama lebih jauh, sama ada dalam perdagangan, pelaburan dan R&D dan oleh itu saya berharap untuk melihat lebih banyak pelaburan bersama dalam sektor ini," jelas beliau lagi.

Dialog tersebut merupakan anjuran bersama Kedutaan

Kesultanan Oman di negara ini dan UBD, yang diadakan selama tiga hari hingga 7 Julai 2022 bersempena dengan Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Brunei Darussalam - Kesultanan Oman Ketiga (BOJC Ke-3), yang berlangsung pada Isnin, 4 Julai 2022, di antara Kementerian Kewangan dan Ekonomi, NBD bersama Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Promosi Pelaburan Kesultanan Oman.

Juga hadir pada majlis tersebut, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Sheikh Ahmed bin Hashil Al-Maskari; Naib Canselor UBD, Dr. Awang Hazri bin Haji Kifle; pegawai kanan kerajaan serta Ketua-ketua Misi Diplomatik.

Pelancaran Buku Sumber Understanding Shared Histories in Southeast Asia



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan menyempurnakan penyampaian Sijil Penghargaan, buku dan cenderahati kepada Jawatankuasa Penghasilan Buku Sumber Understanding Shared Histories in Southeast Asia, seterusnya melihat pameran pada Majlis Pelancaran Buku Sumber Understanding Shared Histories in Southeast Asia (kiri, kanan dan bawah kanan).

Jabatan Perkembangan Kurikulum dan guru-guru mata pelajaran Social Studies Tahun 7 dan Tahun 8 dari beberapa buah sekolah menengah yang terpilih.

Buku tersebut, tambah beliau, telah disemak dan diteliti sebelum dicetak oleh Assistant Professor daripada Faculty of Arts and Social Science (FASS), University Brunei Darussalam, Dr. Rommel A. Curaming, yang dilantik oleh pihak UNESCO sebagai Technical Advisory Committee (TAC), untuk memberi panduan dan tunjuk ajar dalam pelaksanaan projek berkenaan secara teratur dan bersistematik.

"Dengan terhasilnya buku sumber ini, diharap guru-guru akan dapat memanfaatkan perisian buku ini dalam memberi pendedahan dan memupuk kesedaran, kefahaman dalam kalangan pelajar mengenai persamaan sejarah dan budaya negara kita dan rantau Asia




Tenggara," ujarinya menambah.

Majlis diteruskan dengan penyampaian Sijil Penghargaan, buku dan cenderahati oleh tetamu kehormat kepada Jawatankuasa Penghasilan Buku Sumber Understanding Shared Histories in Southeast Asia, yang terdiri daripada guru-guru mata pelajaran Social Studies Tahun 7 dan Tahun 8 serta pegawai-pegawai Jabatan Perkembangan Kurikulum.

Buku sumber tersebut akan diagih-agihkan kepada semua sekolah menengah kerajaan dan swasta di bawah Kementerian Pendidikan serta Sekolah-sekolah Arab Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis turut diserikan dengan pameran poster lukisan daripada pemenang-pemenang Pertandingan Melukis yang

bertemakan ASEAN bagi Pelajar Tahun 9, yang diadakan pada September 2018 sebagai salah satu aktiviti bagi projek penghasilan buku sumber tersebut.



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Julai. - Dalam usaha mengembangkan dan mempromosi bahan sumber pendidikan yang inovatif bagi Sejarah Asia Tenggara, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Perkembangan Kurikulum, melancarkan Buku Sumber Understanding Shared Histories in Southeast Asia.

Pelancaran buku tersebut merupakan hasil dari Projek Promoting Intercultural Dialogue and A Culture of Peace in Southeast Asia through Shared Histories yang dianjurkan oleh United National Education, Scientific and Cultural Organisations (UNESCO) dengan kerjasama Kementerian

Pendidikan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan majlis pelancaran yang berlangsung di Dewan Serambi Batil, Tarindak D'Seni ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Dalam ucapan Pemangku Pengarah Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Ali Hmdani bin Haji Muhamad Diah selaku Pengerusi Majlis menjelaskan, buku berkenaan telah dihasilkan dan dikemas kini oleh jawatankuasa kerja penghasilan, yang terdiri daripada pegawai-pegawai

SENTIASA KOMITED TANGANI ISU KESELAMATAN ANCAM KESEJAHTERAAN NEGARA



ANTARA pegawai jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) yang mengikuti Bengkel Tatacara Melaksanakan Penguatkuasaan Undang-Undang Kali Ke 1/2022.

■ Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Julai. - Seramai 40 pegawai jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) mengikuti Bengkel Tatacara Melaksanakan Penguatkuasaan Undang-Undang

Kali Ke 1/2022, yang berlangsung di Dewan Serbaguna Tingkat 6, Bangunan KHEDN, Bandar Seri Begawan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan Perasmian Bengkel berkenaan,

Timbalan Setiausaha Tetap (Perundangan, Antarabangsa dan Penyelidikan), KHEDN, Awang Haji Ahmad Nizam bin Dato Paduka Haji Ismail.

Awang Haji Ahmad Nizam semasa menyampaikan ucapannya menjelaskan, bahawa sebagai salah satu agensi kerajaan

yang menjalankan isu keselamatan negara, amatlah penting kepada semua agensi untuk sentiasa komited dalam mengekalkan tahap kesiapsiagaan dan kesediaan dalam menangani apa juga isu keselamatan yang boleh mengancam kesejahteraan Negara Brunei Darussalam.

"Bagi mencapai matlamat ini, ia memerlukan pengetahuan melalui pembelajaran peningkatan kapasiti pegawai-pegawai secara berterusan.

"Matlamat utama bengkel ini untuk pendedahan kepada kesemua peserta setiap agensi, dalam melaksanakan tugas sehari-hari kepada tugas yang kompleks dengan berlandaskan kepada Akta, Peraturan serta dasar yang dikuatkuasakan, yang lebih berkesan, bersistematis dan melahirkan Pegawai-pegawai Pendakwaan di setiap agensi.

"Seterusnya, melalui bengkel ini diharap akan dapat dijadikan sebagai platform dalam menilai tahap keberkesanan Standard Operating Procedure (SOP) yang sedia ada dan seterusnya bagi me'review' SOP berkenaan jika perlu," terangnya.

Beliau, seterusnya menasihati kepada peserta



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Perundangan, Antarabangsa dan Penyelidikan), KHEDN ketika berucap.

bengkel untuk mengambil peluang dari kursus tersebut untuk meningkatkan kapasiti dan potensi diri serta sama-sama mengenal pasti jurang yang ada dari segi keupayaan prosedur, komunikasi dan logistik, bagi memantapkan lagi keselamatan dan sekuriti negara.

Bengkel berkenaan dikendalikan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, di mana memfokuskan pada pembelajaran dalam bidang berkaitan penguatkuasaan, iaitu tatacara operasi, penyiasatan dan pendakwaan.

Juga hadir, Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai Kanan daripada KHEDN.

48 pelajar Sekolah Ugama JIS khatam Al-Quran



Oleh: Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto: Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

MAJLIS Khatam Al-Quran bagi para pelajar Darjah VI tahun 1443H / 2022M yang berlangsung di Art Centre, JIS. Hadir pada majlis tersebut, Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (kiri dan bawah).

JERUDONG, Jumaat, 8 Julai. - Dalam menjadikan budaya membaca Al-Quran sebagai satu kebiasaan dan amalan hidup, Sekolah Ugama Antarabangsa Jerudong (JIS) meraikan seramai 48 orang pelajar Darjah VI setelah berjaya menamatkan pembacaan Al-Quran 30 juz.

Majlis Khatam Al-Quran bagi para pelajar Darjah VI tahun 1443H/2022M yang berlangsung

di Art Centre, JIS itu diserikan lagi dengan kehadiran tetamu khas majlis, Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Hairul Mohd Daud bin Haji Abdul Karim.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Selawat Taffriyyah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh tetamu khas majlis.

Diteruskan dengan bacaan Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Lahab oleh para peserta khatam dan kemudian bacaan Takhtim oleh para pelajar perempuan manakala bacaan Doa Khatam dipimpin oleh Awang Muhammad Akif Fadli bin Isma-Norfaizal, salah seorang daripada peserta khatam.

Dikir Marhaban pula dipersembahkan oleh para pelajar lelaki dan penyampaian sijil khatam disempurnakan oleh tetamu khas majlis.

Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Guru Ugama, Sekolah Ugama JIS, Awang Norimy bin Haji Ahad.

Majlis Khatam Al-Quran merupakan aktiviti tahunan sekolah berkenaan bagi menepati hasrat kerajaan dalam melahirkan generasi celik Al-Quran.

Antara tujuan majlis tersebut ialah untuk menggalakkan murid-murid sentiasa membaca Al-Quran dengan betul dan lancar, memastikan murid-murid dapat mengkhataamkan Al-Quran sebelum mereka menamatkan Darjah VI persekolahan Ugama dan mengeratkan kerjasama serta perpaduan antara ibu bapa / penjaga, guru-guru dan murid-murid dalam sama-sama mengendalikan pelbagai majlis keagamaan di sekolah.



REALISASIKAN WAWASAN, HIDUPKAN EKONOMI NEGARA

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



RIMBA, Khamis, 7 Julai. - Persatuan Peniaga-Peniaga Melayu Brunei (PPMB) mengadakan Forum Usahawan Brunei dengan tema '2035 Peniaga Melayu Satu Ilusi Atau Realiti', di The Garden's Veranda Banquet Hall, Rimba Garden Central, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Presiden PPPMB, Dr. Haji Abdul Latif bin Haji Awang Chuchu.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, dipimpin oleh Awang Abdul Qayyum bin Mohammad Nazri.

Timbalan Presiden Pentadbiran dan Dasar, PPPMB, Awang Haji Aminorashid bin Haji Ghazali dalam ucapan alu-aluannya, antara lain berkata, dalam kita menjaga keamanan, kesejahteraan dan keselamatan negara, PPPMB sentiasa berhati-hati serta peka

supaya tidak dijadikan platform atau kenderaan bagi penyebaran atau menyemai apa saja jenis hasutan yang memecah belah bangsa.

Tekannya, kita rumus dan selesaikan masalah secara hemah dan tidak sekali-kali menuntut hak dengan kekerasan.

"Mari kita perjuangkan negara 'kitani' agar kewenangan dan peruntukan orang 'kitani' berniaga tetap satu keutamaan negara dan tidak dimanipulasi oleh bangsa asing," ujarnya lagi.

Seterusnya, majlis disusuli dengan ucapan oleh tetamu kehormat majlis, antara lain menyarankan, agar forum tersebut dapat membincangkan bagaimana cara pemikiran orang Melayu untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035, dalam menguasai bidang perniagaan, di samping dapat menghidupkan ekonomi negara.



PERSATUAN Peniaga-Peniaga Melayu Brunei (PPMB) mengadakan Forum Usahawan Brunei dengan tema '2035 Peniaga Melayu Satu Ilusi Atau Realiti' di The Garden's Veranda Banquet Hall, Rimba Garden Central (atas) sementara gambar kiri, antara yang hadir pada majlis tersebut.

Beliau juga menyarankan agar orang Melayu berganding bahu dalam sama-sama menaikkan status mereka untuk lebih bergiat aktif dan mengangkat martabat Melayu dalam bidang perniagaan serta ekonomi agar apa yang dihasrat akan menjadi satu kenyataan.

Majlis kemudian diteruskan dengan forum, di mana para ahli panel, terdiri daripada Pengerusi Tetap, PPPMB, Awang Haji Abdul Rahman bin Mohd. Yusof selaku Pengerusi Forum; Co-Founder & Executive Chairman, Amrtur Corporation Sdn. Bhd., Leftenan Kolonel (B) Haji Mahmod bin Haji Yakop; Timbalan Presiden Ekonomi, PPPMB, Awang Haji Suni bin Haji Sulaiman; Business Development Director, Bureau Veritas (B) Sdn. Bhd., Awang Mohammad Rizan bin Dr. Haji Abdul Latif, dan Ketua Belia, PPPMB,

Awang Mohammad Zaffren bin Haji Mohammad Said.

Forum Usahawan Melayu Brunei bertujuan untuk membangun kesedaran peniaga-peniaga Melayu tempatan ke arah merealisasikan aspirasi negara, dalam menjayakan Wawasan Negara Brunei 2035.

PPMB ditubuhkan untuk menyatupadukan peniaga-peniaga Melayu, di samping mewujudkan sikap bantu membantu dan sering bermuzakarah demi mengukuhkan sebarang kegiatan ekonomi melalui hal perniagaan dalam kalangan Masyarakat Melayu Brunei yang juga dihasrat bagi meninggikan taraf hidup serta kemajuan perniagaan-perniagaan dan kegiatan ekonomi.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk melakukan sebarang kerja-kerja amal bermanfaat kepada semua ahli, khususnya masyarakat dan ekonomi amnya.

PPMB juga ditubuhkan ke arah mengukuhkan kegiatan - kegiatan ekonomi, seperti Agent / Wholesale Dealers, pembekal, pemborongan, pelaburan modal di bidang pengangkutan / perkapalan, pelancongan, penginapan, binaan, perkilangan, pendidikan, insurans, pengedar minyak dan gas asli, percetakan, perikanan, ternakan, pertanian, kedai makan minum dan perniagaan biasa, seperti kereta, barang-barang runcit, tekstil dan seperti mana pada kelazimannya diperlukan.

Ke arah penubuhan institusi kewangan, di mana PPPMB berupaya menyimpan, mengeluarkan, meminjamkan, menuntut pulangan, menerima faedah, pemodal dan badan perunding tentang mana-mana sumber kewangan yang diperuntukkan kepada ahli-ahlinya sahaja.

Rafak rasa syukur, teruja



DAYANG Hajah Nurain binti Mohd. Yasin, salah seorang ahli Pusat Kegiatan Warga Emas (kiri) dan Dayang Noriteh binti Lipang (kanan) semasa ditemu bual.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Khamis, 7 Julai. - Penganugerahan Penggeranan Tanah-tanah Lesen Tumpang Sementara bagi Daerah Tutong



Penganugerahan berkenaan, di Pusat Tingkatan Enam Tutong, rata-rata penerima yang ditemui melahirkan rasa syukur dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas penganugerahan tersebut.

Salah seorang penerima anak kunci rumah, Awang Mohammad Khairi bin Haji Mahadi berkata, beliau rasa teruja kerana telah memiliki rumah sendiri selepas menunggu selama 12 tahun.

Sebelum ini, beliau menetap di rumah orang tuanya, di Kampung Perpindahan Rimba dan akan berpindah ke rumah baharu, di Rancangan Perumahan Negara

PENERIMA Penggeranan Tanah Lesen Tumpang Sementara, Pengiran Mahmud bin Pengiran Bungsu.

Bukit Beruang, pada hujung tahun ini.

Sementara itu, Awang Mohd. Sophian bin Haji Suhaili yang mewakili isteri beliau, Dayang Haryani binti Haji Yahaya, menyatakan rasa gembira kerana berpeluang menerima Anak Kunci Rumah yang dikurniakan oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Penganugerahan tersebut.

Menurutnya, beliau dan keluarga sebelum ini menetap di rumah mertua, di Kampung Lambak sebelum menerima Rumah Teres, di Jalan Paya Namurai.

Beliau menambah, kehidupan selepas memiliki rumah sendiri lebih selesa lebih-lebih lagi apabila pembayaran rumah tersebut berjaya dilunaskan walaupun baru tujuh bulan mendiaminya.

Bagi salah seorang Penerima Penggeranan Tanah Lesen Tumpang Sementara, Pengiran Mahmud bin Pengiran Bungsu menyatakan rasa berbesar hati dan terharu atas penganugerahan itu, selain bantuan pembinaan rumah yang dibiayai oleh Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah serta badan-badan kebajikan lain, yang memberikan sumbangan kepada beliau dan keluarga selama ini.

Penganugerahan tersebut, jelasnya, membantu memperbaiki kualiti kehidupan beliau dan keluarga, yang terdiri daripada isteri dan tiga anak beliau.

Sementara itu, salah seorang lagi Penerima Penggeranan Tanah Lesen Tumpang Sementara, Awang Nasrul Arwadi bin Haji Nekman, mewakili ahli-ahli keluarga beliau, menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah

DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas penganugerahan geran tersebut dan mendoakan baginda kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam.

"Sebelum menerima penggeranan ini, saya tinggal di rumah lama saya, di kampung yang sama, iaitu Kampung Kuala Tutong.

"Rumah itu, pada asalnya kecil sahaja untuk tujuan berkebun. Namun pada masa ini, kami telah pun membina rumah yang seles untuk didiami," katanya.

Seorang lagi Penerima Penggeranan Tanah Lese Tumpang Sementara, di Kampung Bukit Udal, iaitu Dayang Norite binti Lipang, berkata beliau beras gembira dan menjunjung kasih k hadapan majlis baginda kerana dapat membina rumah untu didiami bersama anak-anak beliau.

Pelita Brunei jug, berkesempatan menemui seorang warga emas dari Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE), Daerah Tutong yang sedang mengadakan demonstrasi menyediakan dan memasak kuih tradisional negara semasa lawatan Kebawah DYMM ke pusat berkenaan.

Dayang Hajah Nurain binti Mohd. Yasin berkata, keberangkatan Kebawah DYMM ke PKWE itu mencerminkan keprihatinan baginda terhadap



AWANG Mohammad Khairi bin Haji Mahadi (kiri) dan Awang Nasrul Arwadi bin Haji Nekman, Penerima Penggeranan Tanah Lesen Tumpang Sementara (kanan) semasa ditemu bual.

kebajikan golongan berkenaan.

"Kami memang menantikan keberangkatan Kebawah DYMM agar baginda dapat menyaksikan kegiatan-kegiatan kami di PKWE ini," ujar beliau.



AWANG Mohd. Sophian bin Haji Suhaili mewakili isteri beliau, Dayang Haryani binti Haji Yahaya semasa ditemu bual.



SERUAN Suci

BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Agama Islam adalah agama yang menganjurkan kita umatnya untuk sentiasa menjaga dan menjamin keselamatan, akidah, nyawa, akal, nasib keturunan dan harta iaitu sebagaimana prinsip di dalam Maqasid Syariah.

Sesungguhnya agama kita juga menyuruh kita supaya sentiasa berikhtiar sedaya upaya agar menghindar dan menjauhkan diri daripada segala perkara yang boleh merosakkan dan membawa kebinasaan dengan menjaga lima perkara tersebut. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah

Amalkan penjagaan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja

Al-Baqarah, ayat 195 :

Tafsirnya : "Dan belanjakanlah (harta yang ada pada kamu) pada jalan Allah dan janganlah kamu sengaja menjerumuskan diri kamu sendiri ke dalam kebinasaan. Dan berbuat baiklah kamu kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebaikan".

Secara umumnya, sebilangan besar daripada masa seharian kita adalah berada di tempat kerja, di mana secara langsung ataupun tidak, kita adalah terdedah kepada pelbagai risiko yang membahayakan.

Sesungguhnya tempat kerja yang kurang selamat dan terdapat punca bahaya yang tidak terkawal boleh mengakibatkan kemalangan dan kemudaratannya, ini juga boleh menjejaskan kehidupan kita dan keluarga dari segi sosial mahupun kewangan. Oleh yang demikian, dalam pekerjaan kita seharian, kita hendaklah sentiasa mengamalkan penjagaan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Ini bertepatan dengan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam agar kita menjauhi daripada sebarang bentuk kemudaratannya ataupun memudaratkan orang lain. Daripada Abu Said bin Sinan Al-Khudri Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Tidak boleh melakukan perbuatan yang memudaratkan diri sendiri dan orang lain". (Hadis Riwayat Imam Ibnu Majah)".

Adalah sangat penting supaya aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja diurus dengan cara yang sistematik. Aktiviti yang pelbagai serta peralatan yang digunakan mungkin berpotensi mewujudkan insiden. Oleh itu antara langkah-langkah yang dapat dilakukan bagi mempertingkatkan budaya

keselamatan dan kesihatan di tempat kerja itu adalah :

Pertama : Komitmen pihak pengurusan dalam melaksanakan usaha-usaha yang berkaitan dengan keselamatan di tempat kerja. Pihak pengurusan bertindak sebagai contoh dalam melaksanakan tanggungjawab dengan memimpin pekerja mereka ketika melaksanakan tugas mereka dengan menitikberatkan dan membudayakan keselamatan dan kesihatan.

Kedua : Pihak pengurusan mengadakan perbincangan dengan pekerja sebelum membuat sesuatu keputusan mengenai keselamatan dan kesihatan. Dengan cara ini, ia dapat menimbulkan rasa kepentingan dan tanggungjawab, terhadap keselamatan dan kesihatan pekerja itu sendiri.

Ketiga : Pihak pengurusan menerangkan kepada pekerja matlamat dan tujuan langkah kesihatan dan keselamatan untuk dilaksanakan secara berkesan kepada pekerja dan memastikan bahawa pekerja tersebut faham akan maksud mengapa langkah tersebut dilaksanakan.

Keempat : Pihak pengurusan memastikan pekerja diberikan kursus dan latihan yang bersesuaian bagi meningkatkan kemahiran ataupun kecekapan pekerja tersebut dalam melaksanakan usah-usaha atau langkah-langkah keselamatan di tempat bekerja.

Di negara kita Brunei Darussalam, antara agensi kerajaan yang diamanahkan dan dipertanggungjawabkan bagi menguatkuasakan perintah keselamatan dan kesihatan tempat kerja itu ialah Autoriti Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Kebangsaan.

Perlu diketahui, bahawa Hari Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja Sedunia diperingati setiap tahun

pada 28 April. Tema Hari Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja Sedunia pada tahun ini ialah 'Bersama Bertindak Bagi Membina Budaya Keselamatan dan Kesihatan Yang Positif'.

Tema ini membawa pengertian bahawa budaya keselamatan dan kesihatan tempat kerja positif adalah suatu budaya yang menilai dan mempromosi persekitaran kerja yang selamat dan sihat. Ia dibina melalui penglibatan bermakna dari semua pihak dalam mencapai penambahbaikan yang berterusan kepada keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Di mana pekerja berasa selesa untuk menyuarakan kebimbangan mengenai risiko dan bahaya serta pengurusan yang mementingkan penyertaan semua peringkat yang berkenaan di tempat kerja. Ajaklah semua yang berkenaan membincangkan perkara-perkara keselamatan dengan itu akan meningkatkan kesedaran di kalangan semua pihak.

Akhirnya, sama-samalah kita meningkatkan usaha dengan langkah-langkah keselamatan dan berwaspada dalam melakukan pekerjaan seharian. Sama-samalah kita berusaha dan membudayakan cara bekerja dengan selamat dan sihat, di samping itu sama-samalah kita berdoa semoga apa jua usaha dan pekerjaan yang kita lakukan dikurniakan rezeki yang halal lagi baik, mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan terhindar dari memperoleh hasil pendapatan yang tidak halal. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Maka makanlah yang halal lagi baik daripada rezeki yang Allah telah kurniakan kepada kamu (wahai orang-orang yang beriman) dan syukurilah nikmat Allah itu jika benar kamu hanya beribadah kepada-Nya". (Surah An-Nahl, ayat 114)

Pendigitalan pelihara kerosakan bahan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Pusat Sejarah Brunei

bentuk digital audio yang diperkenalkan dalam Bengkel Pendigitalan : Perolehan Bahan Rakaman Sejarah Lisan dari Pita Kaset (Audio Kaset) ke Digital Audio Digitising Analog Audio to Digital.

"Untuk pengetahuan kita bersama bahawa pendigitalan bahan adalah merupakan sebagai salah satu pemudah cara dalam pengumpulan, penyimpanan dan rujukan bahan.

"Selain itu, ia juga amat penting bagi memelihara bahan daripada sebarang kerosakan sama ada berlaku secara semula jadi atau kerana kecuai manusia," ujarnya pada majlis yang berlangsung di Galeri Sejarah, PSB, hari ini.

Selain itu, Awang Mohammad Faisal juga menyatakan ia juga dapat meningkatkan keberkesanan dalam penyimpanan bahan dan menjadikan sistem rujukan lebih mudah, cepat, teratur dan terarah untuk diakses.

Justeru, tambahnya, adalah dihasratkan agar bengkel tersebut dapat meningkatkan lagi kesedaran kita terhadap kepentingan pemeliharaan rakaman kaset audio analog ke dalam bentuk digital audio.

Bengkel diselenggarakan dengan taklimat pembentangan bertajuk 'Pengenalan Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi' oleh Pegawai Sejarah, Dayang Adibah binti Md. Jaafar, antara lain mengongsikan mengenai fungsi dan peranan Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi

yang antaranya ialah untuk menyelidik, mengumpul, menyimpan dan memelihara perolehan bahan.

Beliau juga menerangkan mengenai metodologi penyelidikan yang dilaksanakan oleh bahagian tersebut, seperti tatacara melaksanakan wawancara serta proses menghasilkan transkripsi dan deskripsi hasil perolehan wawancara.

Manakala Pegawai Sejarah, Dayang Farahaina binti Anchong dalam Taklimat 'Kaedah Penyelidikan dan Kepentingan Pendigitalan' menjelaskan mengenai kaedah penyelidikan yang dijalankan oleh salah satu unit di Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi iaitu Unit Sejarah Tempatan dan Warisan.

Dalam melaksanakan penyelidikan, unit ini pada lazimnya mengumpul bahan sejarah melalui sesi wawancara.

Dalam taklimat tersebut beliau juga mengongsikan mengenai pendigitalan iaitu proses penyalinan bahan bercetak atau analog ke dalam bentuk digital dan kepentingannya dalam memelihara bahan daripada mendapat kerosakan sama ada yang berlaku secara semula jadi atau disebabkan oleh kecuai manusia.

Sementara Ketua Reprografer dan Penggambaran, Awang Haji Ismandi bin Haji Timbang, pula menjelaskan mengenai

audio ke dalam bentuk digital.

Antara kepentingan yang dijelaskan adalah penyalinan kepada bentuk digital dilihat perlu memandangkan pada masa kini, kebanyakan audio adalah dalam bentuk digital. Sementara itu, kebanyakan alat pemain audio hanya boleh memutar audio dalam bentuk digital.

Dalam taklimat bertajuk 'Tatacara Pendigitalan', Awang Haji Ismandi menerangkan bagi memastikan lebih banyak audio dapat diputar, maka ia memerlukan penyalinan ke dalam bentuk digital.

Dengan penyalinan ini akan memudahkan penyimpanan bahan kerana rakaman bunyi dalam bentuk analog audio mudah terdedah kepada kerosakan antaranya disebabkan oleh penggunaan yang berulang-ulang.

Dalam taklimat tersebut, beliau juga menghuraikan tentang tatacara pendigitalan dan peralatan yang diperlukan antaranya

komputer, alat pemain kaset dan kabel USB.

Adapun Bengkel Pendigitalan itu merupakan kesinambungan daripada Webinar Kepentingan Sumber Lisan dalam Penyelidikan Sejarah Lisan secara maya yang telah berlangsung pada bulan April 2022 lalu dan bengkel itu juga merupakan projek julung kalinya diungkuikan oleh Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi dengan kerjasama Bahagian Refrografer dan Penggambaran, PSB yang disejajarkan dengan Rancangan Transformasi Digital Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Projek dilaksanakan sebagai langkah awal bagi persiapan pelaksanaan kerja-kerja pendigitalan bahan-bahan sumber sejarah lisan daripada hasil penyelidikan yang telah dibuat oleh PSB melalui Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi khususnya dan lain-lain bahagian amnya.



PARA peserta yang menyertai bengkel tersebut.



KETUA Reprografer dan Penggambaran, Awang Haji Ismandi bin Haji Timbang semasa Bengkel Pendigitalan : Perolehan Bahan Rakaman Sejarah Lisan dari Pita Kaset (Audio Kaset) ke Digital Audio Digitising Analog Audio to Digital.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Julai. - Sejarah lisan merupakan salah satu sumber rujukan dalam kajian dan penyelidikan sejarah negara yang penting dan perlu dijaga penyimpanannya agar tidak hilang atau pupus begitu sahaja.

Oleh yang demikian bagi memastikan hasil sumber sejarah lisan yang dikumpul melalui rakaman kaset boleh dijadikan sumber rujukan secara berterusan maka ia setentunya memerlukan penjagaan yang lebih teliti, teratur dan bersistematik.

Pemangku Timbalan II, Pusat Sejarah Brunei (PSB), Awang Mohammad Faisal bin Haji Mat Salleh berkata, salah satu daripada penjagaannya adalah dengan proses penyalinan semula bahan dari rakaman kaset audio ke dalam

AMALKAN PENJAGAAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN DI TEMPAT KERJA

جهاز حال احوال مسجد
Jabatan Hal Ehwal Masjid
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam

KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA 9 ZULHIJAH 1443H/8 JULAI 2022M

Agensi kerajaan yang diamanahkan dan dipertanggungjawabkan bagi menguatkuasakan Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja:

Autoriti Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Kebangsaan



Hari Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja disambut pada:

✓ **28 April Setiap Tahun**

Tema pada tahun ini:



Bersama Bertindak bagi Membina Budaya Keselamatan dan Kesihatan yang Positif



Agama Islam menganjurkan umatnya untuk sentiasa menjaga dan menjamin keselamatan akidah, nyawa, akal, nasab keturunan dan harta iaitu maqasid syariah



Tempat kerja yang kurang selamat dan terdapat padanya punca bahaya yang tidak terkawal boleh mengakibatkan kemalangan dan kemudaratan

Antara Langkah-langkah bagi Mempertingkatkan Budaya Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja

Komitmen pihak pengurusan dalam melaksanakan objektif berkaitan dengan keselamatan di tempat kerja

Mengadakan perbincangan dengan pekerja sebelum membuat sesuatu keputusan mengenai keselamatan dan kesihatan

Membicarakan matlamat dan tujuan langkah Kesihatan dan Keselamatan dilaksanakan secara efektif kepada pekerja

Mempastikan pekerja diberikan kursus dan latihan yang bersesuaian bagi menaiktaraf kompetensi atau kecekapan pekerja tersebut



MENGUKUHKAN SEMANGAT SOLIDARITI, PATRIOTIK DALAM DIRI PENUNTUT



JABATAN Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik mengadakan Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris (atas dan atas kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Julai. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik mengadakan Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Salambigar, Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali.

Seramai 173 orang penuntut Tahun 7 sekolah berkenaan

ANTARA penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali yang hadir mendengarkan taklimat berkenaan (kiri).

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

menghadiri program tersebut yang merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara.

Program tersebut juga dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.

Turut hadir, Pengurus Operasi Sekolah, Awang Azamain bin Abdul Rahim dan tenaga pengajar.

Taklimat Kenegaraan disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti

Haji Idris.

Dalam taklimat itu, beliau antara lain menyentuh mengenai Raja Kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Para penuntut juga berpeluang menyaksikan klip video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara'.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.

IHP Mac 2022 meningkat 3.8 peratus

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Julai. - Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi Mac 2022 meningkat sebanyak 3.8 peratus tahun ke tahun, berbanding dengan Mac 2021.

Peningkatan IHP ini adalah selaras dengan peningkatan harga bukan makanan dan harga makanan dan minuman ringan, masing-masing sebanyak 3.9 peratus dan 3.4 peratus.

Peningkatan dalam komponen bukan makanan adalah didorong oleh pelbagai barangan dan perkhidmatan sebanyak 18.1 peratus, pengangkutan 6.0 peratus dan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain 2.1 peratus.

Kenaikan harga pelbagai barangan dan perkhidmatan adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga insurans kenderaan.

Manakala peningkatan dalam pengangkutan adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga kenderaan bermotor dan tiket penerbangan.

Kenaikan harga sewa kediaman dan penyelenggaraan dan pembaikan tempat kediaman mendorong kepada peningkatan harga perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain.

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan, Ekonomi dan Statistik

Dalam pada itu, peningkatan harga makanan dan minuman ringan adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga makanan seperti harga minyak masak sebanyak 27.5 peratus, daging ayam 8.5 peratus dan ikan segar 7.7 peratus.

Kenaikan harga minyak masak adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan harga bahan input minyak sayuran dan minyak sawit.

Manakala bagi daging ayam, kenaikan harga adalah antara lain disebabkan oleh peningkatan kos makanan ternakan ayam.

Bagi perubahan bulan ke bulan, IHP bagi Mac 2022 meningkat sebanyak 0.9 peratus, berbanding dengan Februari 2022.

Indeks makanan dan minuman ringan meningkat sebanyak 0.6 peratus, manakala Indeks bukan makanan meningkat sebanyak 1.0 peratus.

IHP mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan.

Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga.

Laporan penuh IHP bagi bulan Mac 2022 boleh didapati melalui laman sesawang JPES, <https://deps.mofe.gov.bn>.

INDEKS Harga Pengguna (IHP) bagi Mac 2022 meningkat sebanyak 3.8 peratus tahun ke tahun berbanding dengan Mac 2021.

PENINGKATAN IHP ini adalah selaras dengan peningkatan harga bukan makanan dan harga makanan dan minuman ringan, masing-masing sebanyak 3.9 peratus dan 3.4 peratus.

KENAikan harga pelbagai barangan dan perkhidmatan adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga insurans kenderaan.

جائز قرائن ايكونومي دان ستاتيستيك
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
BRUNEI DARUSSALAM

CONSUMER PRICE INDEX

Year-On-Year Changes
MARCH 2022 : 3.8%

Food & Non-Alcoholic Beverages
3.4%

Non-Food
3.9%



MAKLUMAN IKLAN JAWATAN KOSONG

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

Iklan
Jawatan Kosong



Talian Whatsapp
Suruhanjaya
Perkhidmatan Awam



PSC.BN



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

	Jawatan, Tangga Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1.	PENOLONG PEGAWAI SEJARAH TINGKAT II C.2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2022/JUN/13	PUSAT SEJARAH BRUNEI, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	02	7(A)	16 JULAI 2022
2.	PENOLONG PENERBIT TINGKAT I D.3-4 EB.5-6 (BAHAGIAN IV) 2022/JUN/27	JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI	01	7(A)	16 JULAI 2022
3.	PEGAWAI LUAR D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2022/JUN/14	KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	01	7(A)	16 JULAI 2022
4.	PEMBANTU JURURAWAT (KEJURURAWATAN AM) M.4-5 EB.6 (BAHAGIAN IV) 2022/JUN/19	KEMENTERIAN KESIHATAN	63	7(A)	16 JULAI 2022
5.	PEMBANTU JURURAWAT (PERGIGIAN) M.4-5 EB.6 (BAHAGIAN IV) 2022/JUN/20	KEMENTERIAN KESIHATAN	30	7(A)	16 JULAI 2022
6.	PEMBANTU JURURAWAT (PERBIDANAN) M.4-5 EB.6 (BAHAGIAN IV) 2022/JUN/21	KEMENTERIAN KESIHATAN	20	7(A)	16 JULAI 2022
7.	PENOLONG JURUAUDIT TINGKAT I C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2022/JUN/22	JABATAN AUDIT, JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	18 JULAI 2022
8.	PENTADBIR HOSPITAL C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2022/JUN/23	KEMENTERIAN KESIHATAN	03	7(A)	18 JULAI 2022
9.	PENGARANG KANAN C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2022/JUN/24	JABATAN-JABATAN KERAJAAN	01	7(A)	18 JULAI 2022
10.	KETUA PEGAWAI PERKHIDMATAN PENGURUSAN KUMPULAN 2 / KUMPULAN 3 (BAHAGIAN I) 2022/JUN/18	JABATAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN JABATAN PERDANA MENTERI	01	3B(A)	18 JULAI 2022

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAPAT MASUK KE PROFIL PSC 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSC 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

DARUSSALAM"

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis,
21 Julai 2022,
jam 2.00 Petang



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

Syarat-syarat Tawaran :

1. UNISSA / SB0016 / 2022 / 2023 - MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BUKU-BUKU PROGRAM, SENARAI PENERIMA PINGAT DAN HADIAH- HADIAH BUKU UNIVERSITI SERTA BUKU RISTAAN, SEMPERA MAJLIS HAFL AL-TAKHARRUJ KE-12 UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)
2. UNISSA / SB0017 / 2022 / 2023 - TO DESIGN, FABRICATE, SUPPLY & INSTALL LOGISTIC MATERIALS FOR MAHRAJAN HAFL AL-TAKHARRUJ 12 (HT12) UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)
3. UNISSA / SB0018 / 2022 / 2023 - MEMBEKAL PERKHIDMATAN BURUH BAGI KAMPUS UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI DI CAWANGAN SINAUT, TUTONG SELAMA TIGA (03) BULAN
4. UNISSA / SB0019 / 2022 / 2023 - MEMBEKAL PERKHIDMATAN KEBERSIHAN BAGI KAMPUS UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI DI CAWANGAN SINAUT, TUTONG SELAMA DUA (02) BULAN
5. UNISSA / SB0020 / 2022 / 2023 - MEMBEKAL PENGAWAL KESELAMATAN DI BANGUNAN UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA) SINAUT

TUTONG SELAMA TIGA (03) BULAN

6. UNISSA / SB0021 / 2022 / 2023 - MEMBEKAL PENGAWAL KESELAMATAN DI BANGUNAN UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA) GADONG SELAMA TIGA (03) BULAN

7. UNISSA / SB0022 / 2022 / 2023 - PERKHIDMATAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR JAMUAN SEMPERA HAFL AL-TAKHARRUJ KE-12 UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)

8. UNISSA / SB0023 / 2022 / 2023 - MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PERALATAN/ KEPERLUAN BAGI KAMPUS UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA) GADONG DAN SINAUT, TUTONG

9. UNISSA / SB0024 / 2022 / 2023 - MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PERABOT BAGI KEGUNAAN KAMPUS UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA) GADONG

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat Rabu,
20 Julai 2022, jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

KENYATAAN TAWARAN

Bilangan Tawaran :
02 / JUN / 2022 / KKBS / HSSE / SECURITY / PPB

Tajuk Tawaran :
MEMBEKALKAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TEMPOH DUA BELAS (12) BULAN BAGI BANGUNAN KOMPLEKS PUSAT PEMBANGUNAN BELIA, JALAN UTAMA TANAH JAMBU, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat Selasa,
19 Julai 2022,
jam 2.00 Petang



JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :
JDB / BKPD / SH / 10 / 2022

Tajuk Tawaran :
SUPPLY NEW AND REPAIR WORK OF EXISTING AIR CONDITIONING UNITS AT PARTICULAR AREAS IN BELAIT DISTRICT OFFICE (PHASE TWO)

Yuran Tawaran :
BND 5.00
(Tidak dikembalikan)

Kelas :
1 dan II

Kategori :
(MO1)

Tarikh Tutup :
Selasa,
19 Julai 2022



UNIVERSITI
ISLAM SULTAN SHARIF ALI

MAKLUMAN
IKLAN LANJUTAN

UNISSA / SB0013 / 2022 / 2023 - SUPPLY AND DELIVER ONE (01) UNIT OF SUV 5-DOOR (7 SEATER) VEHICLE FOR UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)

UNISSA / SB0014 / 2022 / 2023 - KERJA-KERJA LOGISTIK BAGI MAJLIS HAFL AL-TAKHARRUJ (HT12) KE-12 UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)

Tarikh Tutup Dilanjutkan
Sehingga :
Tidak lewat Rabu,
20 Julai 2022,
jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN
PERTAHANAN

PEMBERITAHUAN
LANJUTAN IKLAN TAWARAN

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2022 / PERS / TA / 01
PEMBELIAN PERALATAN MUSIK BAGI UNIT PANCARAGAM ABDB

Tarikh Tutup Dilanjutkan
Sehingga :
Selasa, 19 Julai 2022,
jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

NOTIS SEBUT HARGA

Bilangan Sebut Harga :
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2022 / Q12
INVITATION TO SUPPLY AND DELIVERY OF 'HP' PRINTER PRINTING CARTRIDGES FOR MINISTRY OF DEVELOPMENT

Bayaran Bagi Setiap e-Dokumen Sebut Harga :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka :
Isnin,
11 Julai 2022

Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran :
Khamis,
21 Julai 2022

Tarikh Tutup :
Isnin,
25 Julai 2022,
sebelum 9.00 Pagi



JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN

Bilangan Tawaran :
JKP / SH / 2022-2023 / 04

Tajuk Tawaran :
"ISLAMIC VALUES ON CUSTOMER SERVICE TRAINING FOR TOURISM INDUSTRIES IN BRUNEI





**MAHKAMAH RENDAH
SYARIAH
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

PERINTAH ACARA MAL
MAHKAMAH-MAHKAMAH
SYARIAH 2005

PERMOHONAN DALAM
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
DI DAERAH BELAIT DALAM
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Permohonan No :
KB / MRS / MAL-B / P002A /
0089 / 04-2022

ANTARA

NURUL HANNAH BINTI
MUHAMAD NOH
- Pemohon

DAN

MUHAMAD NOH BIN
ABDULLAH @ BUAH BIN ELAN
- Responden

Kepada :
MUHAMAD NOH BIN
ABDULLAH @ BUAH BIN ELAN,
beralamat tidak diketahui.

Sila ambil perhatian bahawa
NURUL HANNAH BINTI
MUHAMAD NOH pemohon
yang dinamakan di atas akan
memohon kepada Hakim
dalam Kamar di Mahkamah
Rendah Syariah di Belait
pada Isnin, 18 Zulhijah
1443H / 18 Julai 2022M, jam 2.00
Petang untuk mendapatkan
perintah bahawa :

1. MEMOHON BERNIKAH
SECARA BERWALIKAN
HAKIM KERANA WALI
TIDAK DAPAT DIKESAN.

atas alasan yang dinyatakan
dalam afidavit yang dilampirkan.

Ditandatangani
secara digital oleh
Abdul Hadi bin Ali,
Mahkamah-Mahkamah
Syariah
Negara Brunei Darussalam.
Penolong Pendaftar

Permohonan ini difailkan oleh
pemohon yang alamat
penyampaian di BLOK 755, B8,
SPG 36-8, JALAN DERMA
WANGSA, KG. MUMONG
BY-PASS, KUALA BELAIT,
KA1531, NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM.



**JABATAN PERTANIAN DAN
AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

JPt / TAW / 10 / 2022 - 2023 :
PEMELIHARAAN SALIRAN
LADANG BAGI KAWASAN
KEMAJUAN PERTANIAN
DI DAERAH TUTONG BAGI
TEMPOH 2 TAHUN.
(Yuran Tawaran : BND30.00)

JPt / TAW / 11 / 2022 - 2023 :
PEMELIHARAAN SALIRAN
LADANG BAGI KAWASAN
KEMAJUAN PERTANIAN
DI DAERAH TEMBURONG BAGI
TEMPOH 2 TAHUN.
(Yuran Tawaran : BND30.00)

JPt / TAW / 12 / 2022 - 2023 :
PEMELIHARAAN SALIRAN
LADANG BAGI KAWASAN
KEMAJUAN PERTANIAN
DI DAERAH BELAIT BAGI
TEMPOH 2 TAHUN.
(Yuran Tawaran : BND30.00)

Tarikh Tutup :
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang
pada Selasa,
26 Julai 2022



**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

TAWARAN JABATAN
DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Nama Projek :

Bilangan Sebut Harga :
JDB / 6.8 / MBP(BERPEK) DAN
MBF (BUFFET)

Tawaran :
MENYEDIAKAN JAMUAN
SECARA BUNGKUSAN DAN
SECARA BUFFET BAGI
ACARA MALAM CORAK
KEUGAMAAN DAN
KEBUDAYAAN SEMPENA
SAMBUTAN ULANG
TAHUN HARI KEPUTERAAN
KEBAWAH DULI YANG



MAHA MULIA PADUKA
SERI BAGINDA SULTAN DAN
YANG DI-PUTUAN NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM
YANG KE-76 TAHUN
BAGI DAERAH BELAIT,
2022

Yuran Tawaran :
BND 10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
12 Julai 2022,
jam 2.00 Petang



**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Tawaran:
JPH / E56231 / TAW / 357(R) /
2022-2023

Pembelian anak pokok
bagi projek penanaman
mengaya kompartmen 98,
Hutan Simpan Bukit
Ladan

Tarikh Tutup :
19 Julai 2022, (Selasa),
2.00 Petang

Dibukakan kepada penender
yang berdaftar di Kementerian
Pembangunan dalam Kelas
II ke atas dan KPB12 -
Lanskap sahaja

BORANG PENDAFTARAN
SYARIKAT
(jika belum berdaftar) :
BND10.00

Borang Tawaran :
BND15.00

Yuran Tawaran :
BND15.00
Tidak dikembalikan



**JABATAN PENERBANGAN
AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Tawaran :
DCA / AFS / 2022-2023 / SH-07

'INSTALLATION OF
FIRE PROTECTION
SYSTEM AT
DEPARTMENT OF CIVIL
AVIATION - SECURITY
BUILDING INCLUDING

INSPECTION AND
MAINTENANCE'

Tarikh Tutup :
Rabu,
20 Julai 2022



**PUSAT SEJARAH BRUNEI
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

NOTIS SEBUT HARGA
PUSAT SEJARAH BRUNEI
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Bilangan Sebut Harga :
2 / JULAI / 2022 / PSB / PD.575

MENCETAK, MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR BUKU-BUKU
TERBITAN PUSAT SEJARAH
BRUNEI, KEMENTERIAN
KEBUDAYAAN, BELIA DAN
SUKAN

Tarikh Tutup :
Isnin, 18 Julai 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

JEMPUTAN TAWARAN

Dibukakan kepada 'Quantity
Surveying Consultant' yang
berdaftar dengan Kementerian
Pembangunan

Bilangan Tawaran :
JKR / RFQ / DTS / 05 / 2022

Tajuk Tawaran :
REVIEWING, UPDATING AND
DRAFTING CONDITION OF
CONTRACT FOR PUBLIC
WORKS DEPARTMENT,
MINISTRY OF DEVELOPMENT

Tarikh Akhir Mengambil
Tawaran :
Selasa, 26 Julai 2022

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 6 September 2022,
2.00 Petang

Harga Dokumen :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

**PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI**



IKLAN dalam salinan liut (soft copy)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan TIDAK kurang dari dua (2)
minggu sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca juga menggunakan Microsoft
Word dengan Font ARIAL saiz 12.



Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan
apa-apa keperluan iklan berkenaan,
seperti tarikh dijangka terbit,
kekerapan terbitan untuk diiklankan
dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
+673 8622969

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

HASRAT TERUS KEMBANGKAN LAGI PENCIPTAAN PRODUK



AWANG Mohammad Eswandy bin Brahim sebagai salah seorang ahli dari Kementerian Kesihatan bersama rakan beliau yang muncul juara bagi Kategori Industri ICT sekali gus diumumkan sebagai penerima Anugerah Penaung Diraja pada Majlis Anugerah ICT Brunei (BICTA) 2022.

TUNGKU LINK, Khamis, 7 Julai. - Pemenang-pemenang Anugerah ICT Brunei (BICTA) 2022 dalam setiap kategori akan berpeluang mewakili Negara Brunei Darussalam ke Anugerah Asia Pacific ICT Alliance (APICTA) 2022 yang akan diadakan pada penghujung tahun ini.

Sehubungan itu, para pemenang BICTA 2022 ketika ditemui rata-rata melahirkan rasa syukur atas kejayaan yang diperoleh dan berhasrat ingin memperkembangkan lagi atas penciptaan produk yang dihasilkan.

Dengan nama produk BruHealth, Awang Mohammad Eswandy bin Brahim sebagai salah seorang ahli dari Kementerian Kesihatan yang menjuarai Kategori Industri ICT menjelaskan, Fasa Awal

atau pertama penggunaan BruHealth tertumpu kepada pengurusan epidemik, seperti pengimbasan Kod QR serta pemantauan kesihatan manakala Fasa Kedua, mereka menawarkan perkhidmatan hospital dalam talian seperti perkhidmatan secara dalam talian serta video konsultasi.

Semasa gelombang kedua tambahnya, mereka memperkenalkan pelbagai ciri seperti pengasingan rumah, Sijil Vaksinasi, laporan Ujian Pantas Antigen (ART) dan dengan versi baharu BruHealth, ia tertumpu dalam langkah untuk menjadikan BruHealth daripada aplikasi pengurusan epidemik kepada aplikasi kesihatan digital bagi semua.

"Setakat ini kami mempunyai dalam

lingkungan 500 ribu jumlah pengguna dan aktif sekitar 200 ribu pengguna hampir setiap hari. Setelah beralih ke Fasa Epidemik, kebanyakan pengguna menggunakannya sebagai rekod perubatan di samping membuat laporan ART dan sebagainya," ujarnya.

Beliau menjelaskan, mereka menggalakkan semua pengguna untuk menggunakan BruHealth sebagai aplikasi kesihatan di mana pada asasnya mereka menyediakan pelan kesihatan bagi meningkatkan kesihatan semua secara proaktif.

Selain itu katanya, mereka juga mempunyai program pengurusan dalam penyakit kencing manis yang tertumpu kepada penambahbaikan pesakit.

Sementara itu, Awang Mohamad Zuhair Arif bin Shahrur salah seorang ahli dari Universiti Teknologi Brunei yang memenangi tempat kedua bagi Kategori Pengajian Tinggi dengan nama produk Smart Paddy Irrigation System menjelaskan, ciri-ciri projek mereka adalah mengadaptasikan teknologi dengan pertanian iaitu menggabungkan teknologi dari segi pengesan (*sensor*) dan *water gate* untuk memastikan bahawa pertumbuhan tanaman padi dalam keadaan yang optimum serta dapat memberi notifikasi kepada petani jika sekiranya keadaan tidak seperti yang diperlukan.

Beliau menjelaskan, pada permulaan proses penghasilan produk, mereka membuat kajian tentang padi serta keadaan optimum yang diperlukan dan setelah itu, mereka kemudian menghasilkan satu prototaip untuk memastikan ia berfungsi.

Namun tambahnya, terdapat banyak cabaran yang ditempuh seperti kebanyakan barang keperluan tidak mudah diperolehi di negara ini dan terpaksa didatangkan dari luar negara.

Beliau berharap agar belia-beliau akan mencuba lagi dalam bidang tersebut serta terus mencari idea yang boleh membantu permasalahan yang dihadapi di negara ini.

Bagi Dayang Arshia binti Tariq salah seorang ahli dari Chung Hwa Middle School, BSB, iaitu pemenang tempat pertama dalam Kategori Sekolah dengan nama produk AI CARE menjelaskan, ia merupakan aplikasi kesejahteraan mental yang disasarkan kepada pelajar namun ia boleh digunakan untuk sesiapa sahaja.

Beliau berkata, AI CARE membantu pengguna mengetahui tekanan stres harian di samping membantu mengekalkan kesihatan mental yang baik

serta menyediakan kemudahan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

penjagaan kesihatan mental melalui terapi dan ciri-ciri first aid termasuk maklumat tentang kesihatan mental.

"Kesihatan mental menjadi isu yang melanda di seluruh dunia terutamanya semasa penularan COVID-19, termasuk Brunei. Sebagai pelajar, kami turut menyaksikan rakan-rakan pelajar ada yang berdepan dengan tekanan stres serta kebimbangan (*anxiety*) terutamanya semasa pembelajaran dalam talian.

"Oleh itu, dengan penghasilan aplikasi ini bertujuan agar belia Brunei boleh menggunakan aplikasi tersebut dalam menangani kesihatan mental mereka serta mencegah atau menyembuhkan kesihatan mental terutamanya semasa pandemik ini," ujarnya.

Menurutnya, mereka berhasrat ingin terus mengembangkan lagi produk mereka dalam APICTA agar ia dapat digunakan, bukan sahaja bagi belia di negara ini malah di seluruh dunia dalam memastikan penjagaan kesihatan mental yang optimum kepada semua.



DAYANG Arshia binti Tariq salah seorang ahli dari Chung Hwa Middle School, BSB bersama rakan beliau, Johan bagi Kategori Sekolah disandang oleh Chung Hwa Middle School, BSB dengan nama produk 'AI CARE'.

Penutupan sementara separuh jalan



PENUTUPAN sementara separuh jalan di Jalan Kumbang Pasang menghala ke Jalan Gadong, mulai jam 8.00 pagi hingga jam 10.00 malam, bermula Khamis, 7 Julai 2022 hingga kerja-kerja selesai dilaksanakan.

Legend
Temporary Work Zone

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Julai. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai penutupan sementara separuh jalan di Jalan Kumbang Pasang menghala ke Jalan Gadong, mulai jam 8.00 pagi hingga jam 10.00 malam, bermula Khamis, 7 Julai 2022 hingga kerja-kerja selesai dilaksanakan.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kerja Raya

Penutupan jalan berkenaan adalah untuk membolehkan kerja-kerja pembaikan paip pembetungan bawah tanah berukuran 150mm diameter sedalam 2 meter di jalan berkenaan dapat dilaksanakan.

Sehubungan itu, orang ramai adalah dinasihatkan mematuhi tanda-tanda lalu lintas yang disediakan serta memandu dengan

perlahan ketika mendekati kawasan berkenaan bagi menjaga keselamatan dan kesejahteraan semua.

Sebarang aduan, orang ramai boleh menghubungi pihak JKR melalui Talian Darussalam, 123 atau Livechat Talian Darussalam 123, +673 8333123 atau e-mel, pro@pwd.gov.bn.

Eksesais Brusing XXVIII : 11 - 29 Julai

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Julai. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) akan mengadakan Eksesais Brusing XXVIII bermula Isnin, 11 Julai hingga Jumaat, 29 Julai 2022, di kawasan Kampung Selapon, Daerah Temburong.

Sehubungan itu, orang ramai dan penduduk yang tinggal berdekatan adalah dinasihatkan untuk tidak mendekati kawasan latihan hutan tersebut dan tidak berasa cemas di sepanjang latihan menggunakan bahan letupan dijalankan.

KUKUHKAN PENJENAMAAN PENULIS DALAM KARYA PENULISAN

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Julai. - Pembaharuan klausa perjanjian dengan kerjasama Pejabat Peguam Negara merupakan antara inisiatif dan komitmen Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), di bawah Pelan Tindakan DBP 2020 - 2024 bagi mendukung bidang teras penerbitan jabatan dengan matlamat utama menjadikan DBP sebagai Penerbit Unggul Inklusif.

Penguatan dokumen perjanjian tersebut bertujuan untuk memastikan satu ikatan komitmen di antara penerbit dan penulis, dibuat dengan sistematik dan teratur dari segi perundangan, di mana ini membolehkan penyerahan serta penggunaan hak subsidiari dilakukan melalui proses yang sejajar dengan perundangan yang berkaitan, iaitu Perintah Hak Cipta 1999 dan pindaan tahun 2013.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab semasa Majlis Penandatanganan



MAJLIS Penandatanganan Perjanjian Lesen untuk Menerbitkan Karya di antara DBP - Penulis, bertempat di Balai Sarmayuda, DBP, Berakas.

Perjanjian Lesen untuk Menerbitkan Karya di antara DBP - Penulis, bertempat di Balai Sarmayuda, DBP, Berakas, di sini.

Menurutnya, kandungan perjanjian baharu menekankan aspek penyerahan dan penggunaan hak-hak subsidiari,

hak cipta karya dan penerbitan, tempoh sah laku perjanjian serta obligasi kedua-dua pihak bagi menjadikan penerbitan DBP diikat melalui satu naratif yang inklusif dan dipersetujui bersama.

Di samping itu, tambahnya, kandungan perjanjian baharu itu menggalakkan penulis membeli semula karya mereka sebanyak 20 peratus pada harga diskaun 20 peratus daripada jumlah cetak, sama ada secara sekali gus mahupun secara berperingkat.

Langkah itu, jelasnya, bertujuan bagi meningkatkan serta mengukuhkan penjenamaan penulis dalam karya penulisan mereka, di samping membantu jabatan ini, dalam mempromosi dan membarigakan buku penulis.

Pemangku Pengarah DBP, seterusnya berkata, bagi meningkatkan lagi ekosistem pengurusan penerbitan, terutama dalam merealisasikan

pemberdayamajuan penerbitan, DBP sedang bekerjasama dengan Pejabat Peguam Negara bagi menindaklanjuti pendrafan perjanjian lesen untuk menerbitkan semula buku, artikel dalam jurnal dan majalah, sama ada untuk diterjemah, diterbitkan semula dan penerbitan alih wahana oleh pihak ketiga untuk manfaat bersama kepada kedua-dua pihak, iaitu penerbit - penulis.

Pada majlis itu, seramai 44 penulis hadir menandatangani perjanjian tersebut.

Menandatangani perjanjian bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, diwakili oleh Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab; dan Ketua Bahagian Penerbitan dan Pemasaran DBP, Awang Mohd. Azurin bin Othman selaku saksi.

Beberapa buah buku berkenaan akan dilancarkan semasa Pesta Buku Brunei 2022, yang akan diadakan pada Julai ini.



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak





MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Jadikan Budi Bahasa Tonggak Keharmonian Masyarakat'. Tarikh Tutup : 13 Julai 2022
2. 'Hargai Makanan, Elak Pembaziran'. Tarikh Tutup : 20 Julai 2022
3. 'Ciptakan Budaya Membaca Sejak Kecil'. Tarikh Tutup : 27 Julai 2022

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Dikehendaki bantu siasatan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Julai. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Balai Polis Bandar Seri Begawan, Daerah Polis Brunei dan Muara meminta kerjasama juga bantuan orang ramai untuk mengesan seorang lelaki yang dikehendaki untuk membantu siasatan.

Lelaki tersebut, Pengiran Shahizulnizam bin Pengiran Julaihe, warganegara tempatan, nombor kad pengenalan 00-320664 (Kuning).

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-kanak Jabatan Siasatan Jenayah melalui telefon +673 2459500 sambungan 490 atau 333 dan Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana Balai-Balai Polis berdekatan.



PENGIRAN Shahizulnizam bin Pengiran Julaihe dikehendaki untuk membantu siasatan.

BIBD KUKUHKAN PENARAFAN A- DARI S&P GLOBAL

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Julai. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) berjaya mengekalkan penarafan A-dari agensi penarafan kredit antarabangsa terkemuka, S&P Global.

Perkara tersebut disahkan oleh S&P Global berdasarkan Tinjauan Stabil pada BIBD.

Penarafan A-, yang dipegang oleh BIBD sejak tahun 2015, meletakkan BIBD setanding dengan bank terkemuka lain di rantau Asia Pasifik.

Menurut S&P Global, penarafan itu mencerminkan kedudukan BIBD dengan bahagian pasaran yang kukuh, kepelbagaian perniagaan dan rekod prestasi yang mantap.

BIBD juga mendapat pengiktirafan di atas permodalannya yang teguh.

Laporan itu juga mengambil

maklum kedudukan fiskal dan kunci kira-kira Brunei Darussalam yang kukuh selama ini.

Walau bagaimanapun, ekonomi Brunei menguncup pada suku kebelakangan ini yang disebabkan oleh gangguan pengeluaran yang tidak dijangka serta lonjakan kes COVID-19.

S&P Global menjangkakan pertumbuhan ekonomi Negara Brunei Darussalam (NBD) akan meningkat pada tahun 2022, yang disokong oleh harga minyak yang lebih kukuh, kadar vaksinasi yang tinggi dan pertumbuhan yang mampan dalam sektor petrokimia hiliran.

"Alhamdulillah, kami berasa rendah diri dengan pengiktirafan berprestij ini. Ketika ekonomi global dan serantau terjejas teruk disebabkan COVID-19, Kerajaan NBD berjaya meminimumkan

impak daripada wabak itu sepenuhnya terhadap ekonomi negara dengan penyelarasan strategi yang baik dan dasar yang kukuh," kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Amin Liew bin Abdullah, atas kapasitinya sebagai Pengerusi BIBD.

Sepanjang tahun yang mencabar ini menurut Yang Berhormat, BIBD kekal berhemat dalam penglibatan perniagaan dengan pengurusan risiko yang lebih tinggi untuk memastikan pertumbuhan yang stabil, dan ini ditunjukkan dalam penarafan S&P.

Yang Berhormat seterusnya berkata, walaupun kesan ekonomi COVID-19 ke atas ekonomi keseluruhan, BIBD telah berjaya mengekalkan bahagian

■ **Siaran Akhbar : Bank Islam Brunei Darussalam**

pasarannya yang kukuh sambil mencari cara untuk terus memberikan perkhidmatan kepada pemegang saham, pelanggan dan negara dalam pelbagai cara.

Menurut S&P Global, Tinjauan Stabil mereka terhadap BIBD mencerminkan jangkaan mereka bahawa BIBD akan mengekalkan kepentingan sistemiknya yang tinggi di NBD dan profil kewangan bank tersebut akan terus bertambah baik dalam tempoh 12 hingga 18 bulan akan datang.

"Penilaian ini amat bermakna bagi kami. Di pertengahan tahun yang amat mencabar, strategi segera bank adalah untuk kekal berhemat dalam urusan perniagaan kami yang membolehkan kami kekal menguntungkan dan stabil.

Selain itu, kami juga komited dalam memberikan

kembali kepada masyarakat, memperkayakan lagi peranan kemapanan korporat kami, dan membantu negara dalam waktu yang mencabar," jelas Pemangku Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Hajah Noraini binti Haji Sulaiman.

"Alhamdulillah, melalui bimbingan Lembaga Pengarah dan Badan Penasihat Syariah kami, dan juga usaha bersepadu pihak pengurusan dan kakitangan kami, Kumpulan BIBD kekal berdaya tahan dan dapat menyesuaikan diri meskipun dalam masa yang tidak menentu, kekal berpegang pada komitmen kami untuk terus berkhidmat kepada pelanggan kami. Kami berbesar hati untuk diiktiraf atas keupayaan kukuh kami, seperti yang dinilai berdasarkan penanda aras antarabangsa," ujarnya lagi.

Perusahaan penyimpanan barang diarah hentikan aktiviti

■ **Siaran Akhbar dan Foto :**

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Julai. - Sebuah perusahaan penyimpanan barang yang terletak di Kampung Kilanas, Mukim Kilanas diarahkan untuk menghentikan aktiviti dan merobohkan kemajuan tambahannya kerana telah melanggar Bab 23(2), Perintah

Perancangan Bandar dan Desa, 2015 (TCPO), iaitu menjalankan kegiatan perusahaan dan membina tambahan bangunan tanpa kebenaran perancangan.

Kegiatan penyimpanan barang tersebut dijalankan di atas lot yang bersyaratkan perumahan dan

perniagaan sampingan yang tidak sesuai untuk tujuan penyimpanan barang-barang perusahaan dan pembinaan.

Tambahan bangunan yang digunakan sebagai penyimpanan bahan binaan ini melibatkan garis bangunan yang tidak teratur dan berbahaya.

Selepas pemantauan dan pemeriksaan rutin dilakukan pada Jun 2022, didapati pemilik telah mematuhi arahan pihak berkuasa dengan menghentikan aktiviti, merobohkan tambahan bangunan dan membersihkan kawasan tersebut.

Sehubungan dengan itu, orang ramai adalah diperingatkan untuk mematuhi undang-undang perancangan, khususnya Bab 23 TCPO yang memperuntukkan tiada seorang pun boleh melaksanakan pemajuan atas tanah, memecah atau menyatukan mana-mana tanah atau melaksanakan apa-apa kerja di dalam suatu kawasan pemuliharaan tanpa kebenaran perancangan.

Kegagalan dalam mematuhi boleh dikenakan denda sepertimana di dalam Bab 23 (6), iaitu denda tidak melebihi BND200,000; dan dalam hal



SEBUAH perusahaan penyimpanan barang yang terletak di Kampung Kilanas, Mukim Kilanas diarahkan untuk menghentikan aktiviti dan merobohkan kemajuan tambahannya.

kesalahan yang berterusan dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi BND10,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan. Bagi sebarang aduan dan

khidmat nasihat perancangan, orang ramai bolehlah menghubungi Talian Hotline Jabatan Perancangan Bandar dan Desa menerusi +673 8200222.

Masjid Kampung Bengkurong adakan Kempen Derma Darah

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Masjid Kampung Bengkurong**

BENGKURONG, Rabu, 6 Julai. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Bengkurong menganjurkan Kempen Derma Darah baru-baru ini yang diadakan di masjid berkenaan, di sini.

Kempen Derma Darah tersebut bermula pada jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan seramai 45 penderma, iaitu 45 pain darah berjaya dikumpulkan.

Dalam masa yang sama, para penderma darah juga diberikan satu tray telor yang telah ditaja oleh Syarikat Ideal.

Secara tidak langsung, kempen tersebut bertujuan untuk mendedahkan kepada orang ramai, khususnya penderma kepada aktiviti-aktiviti berbentuk kebajikan serta mengajak orang ramai untuk menanamkan sifat dermawan dengan cara mendermakan darah mereka bagi membantu pesakit-pesakit yang memerlukan.



AHLI Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Bengkurong menganjurkan Kempen Derma Darah, yang diadakan di masjid berkenaan.

مقرر كنلكن اقليكاسي موده اليه جابتن قنرغن

Memperkenalkan
**Aplikasi Mudah Alih
Jabatan Penerangan**

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless Dan Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

KONGSI HAK PERLINDUNGAN DIRI



PROGRAM Ta'dil As-Suluk kini diteruskan semula secara bersemuka melibatkan para Pelajar Sanah 9 dari Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Katok.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

KATOK, Rabu, 6 Julai. - Program Ta'dil As-Suluk kini diteruskan semula secara bersemuka yang sebelum ini dijalankan secara dalam talian.

Program melibatkan para pelajar Sanah 9 dari Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Katok.

Ia dihasratkan untuk memberikan kesedaran dan maklumat mengenai pelbagai kesalahan di bawah Perintah

Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 di samping mengongsikan hak-hak perlindungan diri bagi mangsa penderaan dan jenayah seksual dalam isu berkaitan keganasan rumah tangga, di bawah bab Dharar Syarie Akta Undang-undang Keluarga Islam, Penggal 217.

Taklimat mengenai Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013, pelbagai langkah menangani gejala sosial dan bab Dharar Syarie, di bawah Akta

Undang-undang Keluarga Islam, Penggal 217, disampaikan oleh Pegawai Perundangan Syariah Tingkat Khas, Unit Perundangan Islam, Dayang Mahani binti Awang Haji Suhaili dan Pegawai Ugama dari Bahagian Penguatkuasa Ugama, Dayangku Norleilawati binti Pengiran Salleh.

Turut mengongsikan matlamat program dan tazkirah ringkas ialah Pegawai Pelajaran Ugama dari Bahagian Sekolah-Sekolah Arab, Jabatan Pengajian Islam, Awang Zamery bin Haji Nayan.

Penunggang motosikal korban kemalangan jalan raya

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Julai. - Seorang lelaki warga tempatan maut setelah terlibat dalam satu insiden kemalangan jalan raya yang berlaku di kawasan Kampung Mulaut, Daerah Brunei Muara, kelmari.

Pihak polis menerima panggilan kecemasan tersebut pada 5 Julai 2022, sekitar jam 10.30 malam memaklumkan mengenai satu kemalangan yang melibatkan sebuah motosikal dan juga sebuah kenderaan.

Sejurus maklumat diterima, Balai Polis Sengkurong, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) segera ke tempat kejadian bagi menjalankan

siasatan.

Hasil daripada siasatan awal pihak polis mendapati, mangsa merupakan seorang warga tempatan berumur 23 tahun yang sebelumnya ada menunggang sebuah motosikal lalu dipercayai telah bertembung dengan sebuah kenderaan yang hendak memasuki persimpangan jalan.

Mangsa didapati terbaring tidak sedarkan diri di lokasi kejadian dan disahkan meninggal dunia oleh paramedik bertugas.

Manakala, pemandu kenderaan telah dibawa ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) bagi menjalani rawatan dan

pemeriksaan kesihatan lanjut.

Pada ketika ini, pihak polis masih menjalankan siasatan terperinci bagi mengetahui punca kejadian sebenar.

PPDB ingin menegaskan kepada para pengguna jalan raya agar sentiasa peka akan had kelajuan yang dipandu dan sentiasa fokus serta menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap jalan raya dan kawasan persekitaran.

Di samping itu, usaha akan sentiasa dikerahkan bagi memastikan kesedaran sentiasa dipupuk kepada orang ramai terhadap kepentingan menjaga keselamatan semasa pemanduan bagi mengelakkan daripada kecuai yang berpunca daripada pemandu sendiri.



SATU insiden kemalangan jalan raya yang berlaku di kawasan Kampung Mulaut, Daerah Brunei dan Muara, melibatkan sebuah motosikal juga sebuah kenderaan.

PUISI

Semua Mahu Selamat

Siapa pun jua
mahu selamat :
Selamat di dunia
selamat di akhirat.
Inilah idaman semua,
besar kecil
tua muda
semua sama
mengidamkan selamat.
Saya mahu selamat
saudara pun mahu selamat
dia juga mahu selamat
malah mereka sekalian mahu selamat,
tetapi 'MAHU SELAMAT' sahaja
bukanlah jaminan
untuk dapat selamat.
Adapun setakat MAHU itu
baru impian
belum lagi kenyataan.
Namun walau begitu
memang patut dan digalakkan
untuk berazam mahu selamat
kerana 'SELAMAT' adalah
'NILAI' yang dikejar,
dan tanpa 'SELAMAT'
bererti 'NILAI' itu terkubur.
Memang tidak mudah
untuk dapat selamat,
kerana di sana ada ranjau besar
yang namanya 'fitnah'
ya, fitnah inilah
dalang penghalang
bagi selamat mudah diraih
- sehingga -
orang yang layak selamat pun
biasa jadi tidak selamat
akibat angkara :
Racun 'fitnah'.
Ini baru cerita
tentang selamat di dunia
yang boleh musnah
kerana fitnah.
Betapa untuk mendapat
selamat di akhirat,
bagaimana pula?
Ini, lagi banyak ranjaunya
yang namanya "fitnah-fitnah dosa" :
Dosa kepada Allah
dosa kepada makhluk.
Dosa-dosa ini berlaku di dunia
tetapi akan berbangkit
jadi fitnah di akhirat.
Satu contoh dosa di dunia
ialah 'hutang' yang tidak dibayar,
lalu di akhirat nanti
si penghutang akan dikejar,
oleh pemiutang...
Lain-lain contoh :
Orang zalim
akan dikejar
oleh si mazlum,
jika zalim itu darah
akan dituntut darah,
jika zalim itu harta
akan dituntut harta,
jika zalim itu muruah
akan dituntut muruah.
Pendeknya apa saja
jenis kezaliman
semua akan dituntut,
di mana?
Di Mahkamah Akhirat,
dan hakimnya siapa?
ALLAH! Hakim Maha Saksama.
Kemudian lain lagi
dosa kepada Allah sendiri,
jika tidak bertaubat
atau tidak sempat bertaubat,
maka semuanya itu...
akan dihisab,
ya semuanya, semuanya
sehingga tiada satu pun
yang akan tercicir dari hisab.
Inilah namanya
keadilan Tuhan kita.
Lalu untuk mencapai
SELAMAT itu, maka
semua pintu fitnah,
sama ada pintu fitnah dunia
mahupun pintu fitnah akhirat,
hendaklah dikunci rapat-rapat
dengan anak kuncinya berupa :
IMAN dan TAKWA.

ADI RUMI
Penerbangan :
Kigali International Airport - BSB,
25 Jun 2022.

Curi peti wang : Dipenjara 2 tahun

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Julai. - Padah melakukan jenayah pecah masuk dan mencuri, seorang lelaki tempatan yang bekerja sebagai *runner* dijatuhkan hukuman penjara dua tahun oleh Mahkamah Majistret, hari ini.

Defendan, Muhammad Kahar Muzakar bin Abdullah, 27 tahun, dijatuhkan hukuman berkenaan setelah mengaku bersalah atas satu pertuduhan mengikut Seksyen 451 Kanun Jenayah Bab 22 di hadapan Hakim, Pengiran Masni binti Pengiran Haji Bahar.

Mengikut pertuduhan, sebelum bekerja sebagai *runner*, defendan pernah bekerja sebagai jurujual di Maju Motors Sendirian Berhad, Jalan Telanai. Defendan bekerja selama hampir setahun dan telah diberhentikan pada Jun 2021.

Pada 15 Jun 2022, kira-kira jam 7.30 pagi, (pengadu) baru tiba untuk bekerja di Maju Motors Sdn.

Bhd., Jalan Telanai. Semasa dia memasuki bangunan itu, dia menyedari, bahawa kunci salah satu bilik akauntan telah rosak.

Susulan itu, pengadu turut mendapati pintu kecemasan menunjukkan ada tanda-tanda kerosakkan akibat dimasuki.

Melihat perkara itu, pengadu segera memeriksa rakaman Kamera Litar Tertutup (CCTV) yang mendedahkan seorang lelaki berhoodie hitam memasuki bangunan dari pintu masuk utama dan selepas itu menggeledah meja di dalam bangunan.

Setelah mengetahui perkara ini, pengadu segera memaklumkan kepada pihak atasan yang kemudian mengarahkan pengadu membuat laporan polis.

Semasa siasatan, pihak polis berjaya mendapatkan rakaman CCTV yang membawa kepada pengecaman defendan dan selepas itu dia ditangkap.

Defendan didakwa melakukan

kesalahan itu pada 14 Jun 2022, kira-kira jam 11.00 malam, ketika defendan baru sahaja selesai menghantar barang kepada pelanggannya, di Kampung Selayun.

Selepas itu, defendan memandu ke Maju Motors Sdn. Bhd., Jalan Telanai, lalu meletakkan kenderaannya di belakang bangunan tersebut.

Defendan kemudiannya memberhentikan kenderaannya dan berjalan kaki ke pintu masuk utama, di mana dia membuka pintu gelangsar (*sliding door*).

Semasa defendan masuk ke bangunan itu, defendan menuju ke tingkat satu melalui tangga belakang, di mana dia membuka pintu kecemasan untuk pergi ke tingkat satu bangunan itu.

Kemudian, defendan terus ke salah satu bilik akauntan, di mana dia membuka pintu secara kekerasan dan kemudian memasukinya.

Di dalam bilik tersebut, defendan kemudian



menyelongkar sebuah meja dan menemui beberapa peti wang, tetapi defendan hanya membawa satu peti wang dan terus meninggalkan bangunan itu.

Di dalam kenderaannya, defendan kemudian membuka peti wang itu menggunakan pemutar skru yang dibawanya. Di dalam peti itu defendan menemui wang tunai BND25. Dalam perjalanan pulang, defendan kemudiannya melupakan peti wang itu di tepi jalan, di Jalan Kebangsaan.

Dalam kenyataannya kepada polis, defendan mengakui, bahawa dia memasuki bangunan tersebut dan selepas itu mencuri sebuah peti wang yang mengandungi BND25.

Dia seterusnya mengakui, bahawa dia membelanjakan wang itu untuk kegunaan peribadinya. Dalam rekod, defendan tidak mempunyai sabitan terdahulu. Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Hajah Siti Mu'izzah binti Haji Sabli.

SALAHGUNAKAN HARTA BENDA ORANG LAIN : 3 LELAKI DIPENJARA

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Julai. - Tiga lelaki tempatan dijatuhkan hukuman penjara atas pertuduhan ketidakjujuran / menyalahgunakan harta benda orang lain, di Mahkamah Majistret, hari ini.

Mulkan @ Abdul Quddus bin Haji Mohamed Deli (D1), 43 tahun dan Sainrin bin Haji Hassan (D3), 52 tahun, dijatuhkan hukuman penjara lapan bulan, manakala Mohamad Ishak bin Hamdani (D2), 35 tahun pula dijatuhkan hukuman penjara 12 bulan kerana tidak mengambil pengajaran daripada hukuman penjara yang panjang sebelum ini.

Defendan-defendan telah mengaku bersalah di hadapan Majistret Kanan, Hajah Ery Sufitriana binti Haji Abdul Rahman.

Fakta kes Timbalan Pendakwa Raya, Sabrina binti Haji Mahmud mendedahkan bahawa pada Mei 2022, D1 sebelum ini menunda kereta BMW lama milik orang lain ke satu kawasan sekitar Jalan Meragang, Kampung Kapok.

Kemudian mereka dan seorang lagi telah pergi ke sebuah tempat untuk membuka bahagian kereta BMW tersebut untuk dijual.

Semasa membuka bahagian kereta, D3 ternampak dua treler dan membuat rancangan bersama D1, D2 dan seorang lagi untuk menjualnya walaupun mengetahui treler tersebut bukan milik mereka.

D2 seterusnya menghubungi pengurus sebuah kawasan simpanan sekerap dan menawarkan untuk menjual treler tersebut, mendakwa ia milik arwah ayahnya dan memberikan lokasi treler itu disimpan.

Pada hari yang sama, D3 menghantar gambar treler tersebut kepada pengurus berkenaan.

Semasa pengurus berkenaan melawat lokasi itu, beliau menyedari, bahawa treler yang ditawarkan kepadanya sebenarnya milik bekas rakan niaganya, iaitu pengadu.

Beliau segera berjumpa

pengadu dan anak pengadu untuk memaklumkan perkara tersebut, di mana mereka menafikan mahu menjualnya.

Pada 29 Mei 2022, anak pengadu pergi meninjau tapak di tanah milik keluarga mereka dan menyedari dua treler sepanjang 20 kaki 40 kaki telah hilang dan laporan polis telah dibuat.

Semasa penyiasatan, didapati pada Mei 2022, selepas percubaan D2 dan D3 tidak berjaya menjual treler tersebut kepada pengurus sebuah kawasan simpanan sekerap, seorang lagi cuba menghubungi suami rakannya (pembeli) melalui WhatsApp, menawarkan untuk menjual dua treler tersebut, di mana pembeli menjawab, bahawa dia akan sanggup membeli jika harganya murah, setelah melihat gambar yang dihantar oleh defendan.

Defendan mendakwa, bahawa treler tersebut adalah milik bapanya dan kad biru untuk treler tersebut telah hilang.

Setelah mempercayai apa yang diberitahu oleh D2, pembeli bersetuju untuk berjumpa di Stesen Minyak Kampung Kapok, Muara untuk menunjukkan lokasi treler tersebut.

Apabila bertemu di stesen minyak tersebut, seorang lagi yang diiringi oleh D1 dan D2, kemudiannya memandu untuk pergi ke sekitar kawasan tapak tersebut di mana treler itu disimpan. Di tapak tersebut, D1 dan D2 menunjukkan kepada pembeli treler tersebut.

Selepas pembeli memeriksa treler tersebut, pembeli bersetuju untuk membeli treler tersebut pada harga BND600. Pada mulanya pembeli membayar deposit sebanyak BND100 kepada D1.

Kemudian, keesokan harinya, pembeli membayar baki BND500 kepada D2, yang kemudiannya menyerahkan wang tersebut kepada D1.

Siasatan polis juga mendedahkan, bahawa selepas pembeli membeli treler tersebut, pembeli terus memotong treler

bentuk rata sepanjang 40 kaki itu kepada tiga bahagian dan treler bentuk rata sepanjang 20 kaki itu kepada dua bahagian dan menjualnya ke tempat sampah lain dan memperoleh BND900 daripada penjualan itu.

Barangan tersebut masih belum ditemui kerana tempat sampah tersebut telah mengeksportnya ke luar negara.

Ketiga-tiga defendan mengakui, bahawa mereka tahu treler tersebut bukan milik mereka dan dengan niat yang sama, mereka secara tidak jujur menyalahgunakan treler tersebut dengan menjualnya untuk keuntungan peribadi mereka

sendiri.

Ketiga-tiga defendan juga mengaku mendapat keuntungan secara salah daripada penjualan treler tersebut.

Menurut pengadu, treler sepanjang 20 kaki dianggarkan berharga BND43,000 dan treler sepanjang 40 kaki dianggarkan berharga BND50,000.

Apabila disabitkan dengan kesalahan itu, ketiga-tiga defendan merayu mahkamah meringankan hukuman, meminta agar dikenakan hukuman denda dan bukan hukuman penjara.

Timbalan Pendakwa Raya, Sabrina mengemukakan kepada mahkamah bahawa hukuman

penjara adalah wajar bagi defendan, terutamanya memandangkan fakta, bahawa barang-barang itu tidak dapat diperoleh dan pengadu mengalami anggaran kerugian sebanyak BND93,000 untuk treler tersebut.

Pihak pendakwaan seterusnya berhujah, bahawa defendan-defendan mengaku mengetahui barang-barang itu bukan milik mereka, namun masih terus menyalahgunakan treler tersebut untuk kepentingan peribadi mereka, justeru, defendan tidak menghormati harta benda orang lain dan memandangkan mangsa akan mengalami kerugian yang besar.

Mengaku curi wang kerajaan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Julai. - Seorang posmen, 35 tahun, bertugas di Pejabat Pos Salambigar, disabitkan kesalahan oleh Mahkamah Majistret pada 5 Julai 2022 setelah mengaku bersalah atas tuduhan mencuri wang tunai dari cawangan pos.

Pada 30 Mei 2022, kira-kira jam 4.15 petang, tertuduh, Pengiran Ermizatul Anwar bin Pengiran Metassan membuka Bilik Penolong Penguasa Pos menggunakan sebatang pembaris selepas semua pekerja lain pulang.

Selepas berjaya masuk, dia menyelongkar laci meja untuk mendapatkan kunci peti yang menyimpan wang. Selepas berjaya menemui kunci peti tersebut, dia pun terus membukanya.

Setelah mendapatkan wang tunai tersebut, defendan kemudiannya menguncinya

kembali dan meletakkan semula kunci di dalam laci meja, mengunci bilik tersebut serta meninggalkan pejabat pos.

Pada 1 Jun 2022, kira-kira jam 7.00 pagi, seorang rakan posmen mendapati pintu pagar belakang dan pintu pejabat dibiarkan terbuka.

Dia segera menghubungi Penolong Penguasa Pejabat Pos Salambigar, yang kemudiannya mengarahkannya untuk tidak memasuki Pejabat Pos tersebut sementara menunggu ketibaannya.

Sejurus ketibaan Penolong Penguasa Pos dan memeriksa tempat tersebut, didapati wang tunai milik Kerajaan Negara Brunei Darussalam pada mulanya diletakkan di dalam peti simpanan itu didapati hilang dan laporan polis pun dibuat.

Siasatan Polis Berakas membawa kepada penahanan tertuduh. Semasa siasatan polis,

tertuduh mengakui bahawa dia mempunyai niat untuk melakukan curi dari peti keselamatan di dalam bilik kebal tersebut, pada 30 Mei 2022.

Tertuduh menyedari sepenuhnya, bahawa wang tersebut adalah milik kerajaan yang berada di dalam simpanan pejabat pos tersebut, tetapi masih meneruskan untuk mengambilnya.

Tertuduh juga mengakui telah mencuri wang tunai dari peti keselamatan tersebut, pada tiga kesempatan sebelumnya, dengan menggunakan teknik yang sama.

Setelah Majistret Nur Eleana binti DSP Haji Hairol Arni berpuas hati dengan pengakuan bersalah tertuduh, mahkamah telah mensabitkan tertuduh, walau bagaimanapun penjatuhan hukuman akan didengarkan pada 27 Julai 2022.

Pendakwaan kes ini dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Sabrina binti Haji Mahmud.



Menghayati ibadah korban

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan

APABILA tiba bulan Zulhijah, tiga perkara penting yang berlaku pada umat Islam iaitu ibadah haji, Hari Raya Aidiladha dan ibadah korban.

Mereka yang menunaikan ibadah haji pada tahun ini sememangnya satu pengalaman yang berbeza dari musim haji sebelumnya memandangkan ia dijalankan pada norma baharu. Sebaik tiba 10 Zulhijah, umat Islam berpeluang meraikan Hari Raya Aidiladha atau Hari Raya Korban.

Hari Raya Korban, iaitu perayaan yang istimewa kerana ia merupakan hari untuk umat Islam memperingati kisah pengorbanan Nabi Ibrahim dalam menunaikan perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan kesabaran anaknya Nabi Ismail dalam memenuhi perintah-Nya.

Begitu mulia dan luhurnya ketaatan Nabi Ibrahim Alaihissalam yang rela mengorbankan anaknya Nabi Ismail Alaihissalam meskipun begitu lama Baginda dan isterinya Siti Hajar mengharapakan kehadiran seorang anak dalam kehidupan mereka. Jelas terbukti, atas ujian ketaatan Nabi Ibrahim Alaihissalam dan Nabi Ismail Alaihissalam tersebut, maka Allah Subhanahu Wata'ala memberikan balasan berupa tebusan sembelihan yang besar. Kemudian Allahabadikan kisah Nabi Ibrahim Alaihissalam untuk dijadikan contoh dan disyariatkan dalam ajaran Islam, iaitu menyembelih binatang ternak.

Hari Raya Korban juga bertujuan untuk mengikis kelekatan umat Islam terhadap keduniaan dan mencintai harta duniawi, bahkan melihat kesanggupan kita untuk mengorbankan sebahagian harta untuk meraih keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Ibadah korban merupakan ibadat sunat muakkadah adalah sunat yang dituntut bagi orang yang mengerjakan ibadah haji dan

bagi mereka yang beragama Islam, baligh, berakal dan berkemampuan. Sementara itu ibadah korban itu akan menjadi wajib apabila dinazarkan. Akan tetapi, hukum melambatkan sembelihan korban yang wajib daripada waktunya adalah haram.

Islam sangat menggalakkan dan menganjurkan umatnya untuk melakukan ibadah korban sebagai bentuk ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, di samping menyebarkan rahmat Allah kepada sesama manusia agar yang mampu dapat memberi kepada yang tidak mampu, begitu juga dengan mereka yang mampu akan dapat merasakan manfaat dari kemampuan mereka.

Berkorban merupakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala di samping ibadah-ibadah lainnya, sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Kauthar, ayat 1 hingga 3, mafhumnya :

"Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Nabi Muhammad) nikmat yang banyak (antaranya sungai al-Kauthar di syurga). Maka dirikanlah sembahyang kerana Tuhanmu dan sembelihlah binatang korban (kerana mensyukuri nikmat-nikmat-Nya. Sesungguhnya orang yang membenci engkau, dialah yang terputus (daripada mendapat kebaikan dunia dan akhirat))."

Umat Islam dituntut untuk melakukan ibadah korban bermula pada 10 Zulhijah selepas menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha hinggalah 13 Zulhijah.

Korban itu terbahagi kepada dua iaitu Korban Wajib dan Korban Sunat. Menurut hukum Syarak, daging Korban Wajib seperti Korban Nazar itu adalah wajib disedekahkan kesemuanya termasuklah kulit dan tanduknya. Sementara daging Korban Sunat bolehlah dilakukan seperti berikut :

1) Daging korban tersebut sunat disedekahkan kesemuanya kepada fakir dan miskin. Walau bagaimanapun bagi orang yang berkorban bolehlah mengambil sedikit

iaitu sekadar beberapa suap untuk mengambil berkat dari korban tersebut.

2) Daging korban tersebut harus dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu satu pertiga disedekahkan kepada fakir miskin, satu pertiga dihadiahkan kepada umat Islam dan satu pertiga untuk orang yang berkorban.

"Daging dan darah binatang korban itu sekali-kali tidak akan sampai kepada Allah tetapi yang sampai kepada-Nya ialah ketakwaan kamu, demikianlah Dia memudahkannya untuk kamu supaya kamu membesarkan Allah atas hidayat-Nya kepada kamu. Dan sampaikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang berbuat kebaikan". (Surah al-Hajj, ayat 37).

Salah satu perkara yang perlu dipelihara di dalam ibadah korban itu ialah menitikberatkan perkara-perkara yang disuruh dan dilarang di dalam ibadah tersebut, termasuk adab dan perkara-perkara yang sunat dilakukan oleh orang yang hendak menunaikan ibadah korban.

Antara adab dan perkara yang disunatkan itu ialah tidak menghilangkan kuku dan rambut.

Bagi orang yang hendak menunaikan ibadah korban, disunatkan ke atas mereka untuk tidak memotong rambut, kuku, bulu-bulu yang tumbuh di badannya termasuk anggota badan yang zahir dan makruh jika berlaku sebaliknya.

Para ulama menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan larangan menghilangkan kuku dan rambut itu ialah :

i - Larangan menghilangkan atau membuang kuku dengan cara memotong, membelah, memecah atau lainnya.

ii - Larangan menghilangkan atau membuang rambut dengan cara mencukur, menggunting, mencabut, membakar, menanggalkan dengan kapur ataupun lainnya sama ada rambut kepala, bulu ketiak, misai, janggut, bulu kemaluan atau

bulu roma selainnya. Larangan tersebut juga termasuk membuang anggota badan yang lain.

Larangan memotong rambut, kuku, bulu dan anggota badan dianjurkan ke atas setiap orang Islam yang hendak menunaikan ibadah korban. Disunatkan ke atasnya untuk tidak memotong rambut, kuku, bulu dan anggota badannya, akan tetapi tidak diwajibkan ke atasnya untuk berbuat demikian.

Sementara itu, menurut pendapat yang sahih hukum meninggalkan anjuran tersebut pula adalah makruh.

Larangan tersebut bermula setelah masuk sahaja 1 Zulhijah, iaitu setelah sabit kelihatan anak bulan Zulhijah sehingga ibadah korban selesai dilakukan.

Hikmah larangan memotong rambut, kuku, bulu dan anggota badan bagi orang yang hendak menunaikan ibadah korban ialah agar seluruh anggota tubuh orang yang menunaikan ibadah korban itu kekal lengkap sehingga mendapat jaminan bebas dari api neraka.

Diriwayatkan daripada Ummu Salamah Radhiallahuanha, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : *"Barang siapa yang ada sembelihan untuk disembelih (hendak dijadikan binatang korban), maka apabila telah tampak hilal Zulhijah, janganlah dia sekali-kali mengambil (memotong) sesuatu pun dari rambut dan kukunya, sehinggalah dia selesai menunaikan ibadah korban".*

(Hadis Riwayat Muslim).

Mudah-mudahan seluruh jemaah haji khususnya jemaah haji Negara Brunei Darussalam beroleh haji yang mabrur dan sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala. Manakala bagi orang-orang yang melaksanakan ibadah korban pula, mudah-mudahan amal ibadat mereka diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan mendapat ganjaran yang setimpal.



JUMLAH PERDAGANGAN NBD MENINGKAT 50.1 PERATUS

Prestasi Perdagangan Bagi Negara Brunei Darussalam



Siaran Akhbar dan Infografik :
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Julai. - Negara Brunei Darussalam (NBD) telah mencatatkan nilai jumlah perdagangan sebanyak BND2,251.1 juta pada bulan Februari 2022, iaitu peningkatan sebanyak 50.1 peratus daripada BND1,499.4 juta pada bulan yang sama tahun 2021.

Manakala, bagi perubahan bulan-ke-bulan, jumlah perdagangan bagi bulan Februari 2022 meningkat sebanyak 0.7 peratus berbanding dengan bulan Januari 2022.

Jumlah eksport meningkat 54.8 peratus tahun-ke-tahun kepada BND1,447.0 juta berbanding BND934.8 juta pada Februari

2021.

Ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan eksport bahan api galian kepada BND1,113.0 juta (Februari 2022) daripada BND759.0 juta (Februari 2021).

Di samping itu juga, eksport kimia meningkat kepada BND289.5 juta pada bulan Februari 2022 daripada BND150.6 juta di bulan yang sama pada tahun 2021.

Peningkatan eksport bahan api galian didorong oleh peningkatan nilai eksport minyak mentah, gas cecair asli (LNG) dan produk petroleum.

Peningkatan eksport minyak mentah adalah disebabkan oleh peningkatan harga purata kepada USD101.03 setong pada bulan

Februari 2022 daripada USD63.73 setong pada bulan Februari 2021, dan juga peningkatan jumlah isi padu kepada 67.46 ribu tong sehari daripada 63.90 ribu tong sehari bagi tempoh yang sama.

Begitu juga bagi nilai eksport LNG yang terutamanya disebabkan oleh peningkatan harga purata kepada USD11.45 per MMBtu pada bulan Februari 2022 daripada USD7.17 per MMBtu pada bulan Februari 2021.


Manakala nilai eksport produk petroleum daripada aktiviti hiliran meningkat kepada BND553.1 juta, dengan komoditi utama adalah bahan api diesel automotif.

Dari segi komoditi mengikut seksyen, bahan api galian merupakan penyumbang utama kepada eksport NBD, iaitu 76.9 peratus, diikuti dengan bahan kimia (20.0 peratus) dan jentera dan kelengkapan pengangkutan (1.8 peratus).

Pasaran eksport utama pada bulan Februari 2022 adalah Jepun dengan 20.6 peratus, diikuti oleh Australia (20.3 peratus), dan Republik Rakyat China (18.2 peratus). Komoditi eksport terbesar ke negara Jepun adalah bahan api galian.

Bagi import pula, jumlah nilai menunjukkan peningkatan kepada BND804.1 juta (Februari 2022) daripada BND564.6 juta (Februari 2021) terutamanya disebabkan

Peratus Taburan Eksport Mengikut Rakan Dagangan



oleh peningkatan import bahan api galian.

Lima komoditi import utama pada bulan ini adalah bahan api galian dengan 68.2 peratus diikuti oleh jentera dan kelengkapan pengangkutan (11.2 peratus), makanan (6.5 peratus), barang-barang keluaran kilang (4.6 peratus) dan bahan kimia (4.5 peratus).

Mengikut Kategori Penggunaan Akhir, import barang perantara menyumbang sebanyak 58.6 peratus daripada jumlah import, diikuti oleh import barang modal (37.1 peratus) dan barang penggunaan (4.3 peratus).

Dari segi import mengikut rakan dagangan, sumbangan terbesar adalah dari Kazakhstan dengan 32.3 peratus, diikuti oleh Iraq (17.4 peratus), Australia (10.9 peratus) dan Singapura (9.6 peratus) dengan komoditi import terbesar

adalah bahan api galian.

Mengikut mod pengangkutan, pada bulan Februari 2022, peratus yang tertinggi bagi kedua-dua eksport dan import adalah mod pengangkutan laut berjumlah BND2,149.3 juta atau 95.5 peratus.

Ini diikuti oleh pengangkutan udara (BND75.6 juta atau 3.4 peratus) dan melalui darat (BND26.1 juta atau 1.2 peratus).

Perangkaan Perdagangan Barangan Antarabangsa (International Merchandise Trade Statistics - IMTS) bagi NBD menggunakan General System bagi merekodkan perangkaan perdagangan yang meliputi import, eksport domestik dan eksport semula.

Laporan penuh IMTS bagi bulan Februari 2022 boleh didapati melalui laman sesawang JPES di <https://deps.mofe.gov.bn>.



Inovasi baharu frozen yogurt

Oleh : Nurul Rasyidah Mohammad Rosland

Foto : Ihsan Tropical Soft Surf

YOGURT beku (*frozen yogurt*) yang juga dikenali sebagai *froyo* sudah tidak asing lagi dalam kalangan anak muda hingga orang dewasa pada masa ini. *Froyo* adalah singkatan bagi *frozen yogurt*, di mana ia dibuat daripada hasil fermentasi susu tanpa krim yang dicampur dengan gula dan susu sampai teksturnya menyerupai krim yang lembut serta padat. Biasanya, *froyo* ini dijadikan sebagai pilihan untuk santapan pencuci mulut dan snek ringan yang sihat.

Froyo atau *frozen yogurt* pernah menjadi produk pilihan yang disukai oleh masyarakat suatu ketika dahulu. Namun, ia kurang mendapat sambutan disebabkan kurangnya pendedahan dalam mempromosikan produk ini di dalam sosial media hingga tidak ramai yang tahu akan kehadiran produk ini. Selang perubahan zaman, *froyo* ini kembali dengan pelbagai hiasan dan perasa yang baharu, sekali gus menjadikan ia satu trend makanan dalam kalangan orang muda. Cawangan kedai penjualan *froyo* juga banyak dibuka dengan menawarkan pelbagai pilihan *toppings* yang membuatkan orang ramai semakin teruja untuk mencubanya. Tambahan lagi, penggunaan reka bentuk pembungkusan dan cawan yang digunakan untuk menyimpan *froyo* itu terlihat estetik dan cantik. Yang mana kita tahu, generasi sekarang lebih cenderung membeli makanan yang nampak cantik hiasannya untuk dimuat naik gambar makanan tersebut ke dalam sosial media mereka.

Ramai yang keliru perbezaan di antara aiskrim dan *froyo*. Berbeza dengan *froyo*, aiskrim dibuat dengan cara mencampur susu, krim, gula dan perasa. Kemudian, bahan-bahan ini akan diolah hingga

teksturnya membeku. Sementara itu, *froyo* dibuat tidak menggunakan krim dan memiliki kandungan lemak yang lebih rendah daripada aiskrim. *Froyo* juga sesuai bagi mereka yang sedang melakukan diet dan mengkonsumsi makanan yang sihat, tetapi ia berbalik kepada pilihan pelanggan itu sendiri. Sihat atau tidak semuanya bergantung pada pilihan *topping*. Untuk lebih sihat, pelanggan boleh memilih *topping* yang berkhasiat, seperti buah-buahan. Kandungan nutrisi yang terdapat dalam yogurt beku dan aiskrim juga tidak jauh berbeza antara satu sama lain. Namun, jika awda ingin mengekalkan diet seimbang, tidak salah menukar aiskrim kegemaran awda dari semasa ke semasa kepada yogurt beku segar.

Froyo telah dipelbagaikan dari segi hiasan dan perasa. Ia kadang-kala dihiasi dengan buah-buahan pilihan dan coklat serta sos-sos yang bersifat premium, seperti sos pistachio, karamel, coklat dan banyak lagi. Pelbagai kebaikan yang didapati dari *froyo* pada masa ini, selain dapat menarik lagi minat bukan sahaja orang dewasa, tetapi juga kanak-kanak yang tidak menyukai susu dan buah-buahan. Baru-baru ini, di Negara Brunei Darussalam, kita dapat lihat banyak syarikat jualan *froyo* dibuka, seperti yang diminati masyarakat ketika ini, iaitu Yonique Froyo, Llaollao, Yolé dan Tropical Soft Surf. Syarikat-syarikat ini menyajikan menu yogurt yang sihat dan ketika menikmati *frozen yogurt* kurang lengkap rasanya bila tidak ditambah dengan *topping*. Oleh itu, pembeli diberi pilihan untuk memilih varian *topping* dan sos kegemaran mereka untuk dicampurkan dengan yogurt beku yang dibeli.

Terdapat tiga jenis pilhan cawan *froyo*, iaitu saiz kecil, sederhana dan besar. Penjualan yogurt beku bermula dengan kadar harga



BND5 hingga BND7. Selain itu juga, masing-masing kedai memberi kelainan pada menu makanan mereka. Ada juga yang menawarkan untuk *froyo* tersebut dibalut dengan *bubble waffle* lalu dihias lagi dengan gabungan *topping* dan sos pilihan. Berbagai tambahan taburan renyah sebagai *topping froyo* menjadikan ia lebih sedap dinikmati. Konsep dan menu baru *froyo* juga kini menjadi trend dalam kalangan pembeli. Dengan memberi kelainan pada menu

makanan mereka, ini adalah salah satu strategi untuk menarik lagi minat pelanggan.

Froyo juga sesuai untuk dijadikan sajian apabila berkumpul bersama keluarga kerana *froyo* yang mengandungi rendah kalori boleh disantap oleh mana-mana golongan umur. Bukan sekadar sajian pencuci mulut, ia juga boleh dijadikan sebagai satu sajian penuh yang berkhasiat serta boleh meningkatkan *mood* dan semangat kita.

Oleh : Abu Bakar Haji Abd.

Rahman

Foto : Arkib Jabatan
Penerangan

MAJLIS Penyampaian Ganjaran Kemenangan Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan (SPKS) bagi Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-31, Viet Nam 2021, yang diadakan baru-baru ini adalah sebagai bukti komitmen Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerusi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan Belia dan Sukan untuk menghargai jasa, pengorbanan dan usaha para wira atlet, jurulatih serta persatuan-persatuan, sekali gus menjadi galakan serta motivasi atas kejayaan mereka mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa. Penyediaan SPKS ini juga adalah sebagai memberi dorongan kepada para atlet supaya sentiasa terus menyumbangkan komitmen mereka kepada negara melalui pencapaian pingat di kejohanan peringkat serantau dan antarabangsa.

Dalam masa yang sama ia juga sebagai pemberi galakan kepada para atlet untuk terus mencapai tahap kejayaan yang cemerlang dengan menjalani latihan secara bersungguh-sungguh agar dapat mengekalkan atau mencapai prestasi yang lebih tinggi.

Seramai lima atlet, dua jurulatih, seorang penolong jurulatih dan dua Persatuan Sukan Kebangsaan menerima Ganjaran Kemenangan SPKS yang terdiri daripada atlet sukan Wushu dan Pencak Silat dengan membawa wang tunai berjumlah sebanyak BND33,200.

Kejayaan dan pencapaian yang membanggakan ini adalah hasil daripada perkongsian sokongan dan dorongan para ibu bapa dan penjaga atlet itu sendiri, selain daripada sokongan dan pemedulian yang berterusan pihak Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC), dalam memastikan pengurusan kontinjen negara sentiasa terjaga dan terpelihara.

Apa yang penting ialah para atlet itu sendiri perlu mempunyai semangat yang tinggi dan cita-cita untuk mencapai sesuatu kejayaan serta percaya pada kemampuan diri sendiri, di samping menjalani program-program latihan yang konsisten, berdisiplin dan mempunyai komitmen yang tinggi dalam sukan masing-masing.

Semua itu adalah mengikut sepertimana yang termaktub dalam Dasar Sukan Negara yang telah diperkenalkan pada tahun 1991 untuk kemudahan insentif para atlet yang cemerlang.

SPKS menurut dalam Buku Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan bahawa ia mengandungi cadangan-cadangan dan isi-isi dasar yang terkandung dalam skim yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1987 dan cadangan-cadangan baru untuk memperkukuhkan lagi skim asal itu supaya lebih memberi makna dan keberkesanan kepada program-program pembangunan sukan yang dirancang dan diangkayahkan melalui dua sektor aktiviti, iaitu sukan Untuk Masyarakat dan Sukan Prestasi Tinggi.

Antara cadangan-cadangan yang baharu ialah elaan latihan kepada atlet yang mencapai kecemerlangan dan mempunyai potensi di pertandingan peringkat

antarabangsa, penggalakan kepada pemimpin, pegawai dan jurulatih, penggalakan untuk orang-orang cacat dan biasiswa. Penggalakan yang sewajarnya akan diberi kepada sektor 'Sukan untuk Masyarakat' sejajar dengan dasar sukan negara yang memberi penekanan kepada sektor ini.

Adapun tujuan Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan ini antara lain adalah untuk menyokong dan memberi kesan ke arah mencapai tujuan-tujuan sesebuah negara, antaranya membentuk sebuah masyarakat yang berdisiplin dan berikar selain untuk mewujudkan peluang-peluang dan penggalak kepada atlet-atlet yang berbakat dan berpotensi untuk mempertingkatkan latihan ke arah mencapai kemahiran dan tahap pencapaian yang lebih cemerlang di berbagai-bagai peringkat pertandingan.

Dengan adanya skim tersebut, ia juga harap dapat menggalakkan jurulatih, pegawai dan pemimpin sukan mempertingkatkan penglibatan sukarelawan mereka



dan usaha mereka dan arah pencapaian tahap yang kecemerlangannya di samping menghargai jasa, pengorbanan dan sumbangan masyarakat sukan kepada bangsa dan negara.

Menyentuh mengenai ganjaran kemenangan ini ia adalah ganjaran (hadiah) kemenangan yang merupakan hadiah wang kerana memperoleh kemenangan pingat dan memecah rekod kejohanan di peringkat antarabangsa. Ganjaran ini ialah untuk atlet bagi Sukan Individu dan Sukan Berpasukan. Ganjaran kemenangan juga disediakan untuk Murid Sekolah, Jurulatih, Pembantu Jurulatih dan Persatuan Sukan Kebangsaan.

Ganjaran kemenangan untuk atlet ini dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu Kumpulan A1 terdiri dari, kemenangan di peringkat

dunia yang setaraf dengan kejohanan Sukan Olimpik dan Kumpulan A2 ialah bagi kemenangan di kejohanan sukan yang setaraf dunia seperti 'World Championship'.

Bagi Kumpulan B1 pula ialah bagi kemenangan di peringkat Asia atau Komanwel yang setaraf dengan kejohanan Sukan Asia atau Sukan Komanwel dan Kumpulan B2 adalah untuk kemenangan di kejohanan di peringkat Asia atau Komanwel, seperti Sukan Islamic Solidarity Games manakala Kumpulan C1 adalah bagi kemenangan di peringkat Asia Tenggara yang setaraf dengan kejohanan Sukan SEA dan Kumpulan C2 adalah bagi kemenangan di kejohanan sukan yang bertaraf ASEAN, seperti Pesta Sukan Merdeka.

Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan bukti hargai kejayaan atlet



KRISIS KOS SARA HIDUP SEBABKAN 71 JUTA ORANG TERJERUMUS KE KANCAH KEMISKINAN - UNDP

NEW YORK, 8 Julai. - Peningkatan kadar inflasi menyebabkan 71 juta orang di negara membangun terjerumus ke dalam kancah kemiskinan sejak Mac 2022, menurut laporan dikeluarkan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) pada Khamis.

Inflasi yang melambung tinggi, kemungkinan peningkatan kadar faedah akan memburukkan lagi krisis, mempercepatkan dan menambahkan lagi kemiskinan di seluruh dunia, lapor Xinhua.

Rizab fiskal yang berkurangan,

hutang kerajaan yang tinggi serta peningkatan kadar faedah di pasaran kewangan global, menyaksikan negara membangun menghadapi cabaran yang memerlukan perhatian antarabangsa.

Analisis ke atas 159 negara membangun di seluruh dunia menunjukkan bahawa kenaikan harga dalam komoditi utama sudah pun memberi kesan segera dan menjejaskan isi rumah termiskin, dengan kawasan ang paling dianggap terjejas di Balkan, negara di rantau Laut Caspian dan Sub-Sahara

Afrika (khususnya wilayah Sahel).

"Kenaikan harga yang belum pernah berlaku sebelum ini membuatkan kebanyakan orang di seluruh dunia, yang sebelum ini mampu beli makanan untuk sehari kini tidak lagi berdaya berbuat demikian.

"Krisis kos sara hidup ini membawa berjuta-juta orang ke kancah kemiskinan dan juga kelaparan, ancaman pergolakan sosial meningkat dari hari ke hari," kata Pentadbir UNDP Achim Steiner.

Masalah kos sara hidup juga

menyebabkan kesukaran kepada penggubal dasar, terutamanya di negara yang lebih miskin.

Walaupun kebanyakan negara membangun sedang bergelut dengan ruang fiskal yang semakin mengecil dan hutang semakin meningkat, cabarannya kini bagaimana untuk memberikan bantuan jangka pendek kepada isi rumah miskin dan rentan.

"Percanggahan dalam ekonomi global semakin membimbangkan



apabila seluruh negara membangun menghadapi ancaman ketinggalan ketika mereka bergelut untuk menghadapi pandemik COVID-19 yang berterusan, masalah hutang dan kini krisis makanan serta tenaga," katanya.

- ©BERNAMA

Rusia akan pelbagaikan eksport minyak, gas secara sistematik

MOSCOW, 7 Julai. - Moscow akan mempelbagaikan eksport minyak dan gas aslinya secara sistematik dan kekal komited kepada kontrak sedia ada, menurut Kementerian Luar Rusia pada Rabu lapor Sputnik.

"Rusia menyumbang kepada pengukuhan keselamatan makanan dan tenaga dengan memenuhi kewajipannya dengan ikhlas. Tahun ini kami

merancang untuk menghantar kira-kira 50 juta tan metrik bijirin ke luar negara. Kami akan meluaskan geografi eksport minyak, petrol dan gas asli secara sistematik," menurut kementerian itu dalam satu kenyataan.

Kementerian itu turut memaklumkan bahawa masalah kekurangan makanan, baja dan bahan api diburukkan lagi

dengan sekatan yang dikenakan oleh Barat ke atas Rusia.

"Negara sedang membangun, yang tidak berdikari, menanggung beban utama akibat sekatan itu," menurut kenyataan itu.

Rusia akan terus menggesa agar sekatan itu ditamatkan dan akan menggalakkan hubungan perdagangan pelbagai hala yang terbuka.

- ©BERNAMA

Arab Saudi pilih Sheikh Dr Mohammad Abdul Karim Al-Issa, penyampai khutbah Arafah

MEKAH, 6 Julai. - Kerajaan Arab Saudi bersetuju melantik Sheikh Dr Mohammad Abdul Karim Al-Issa, Setiausaha Agung Liga Dunia Islam (MWL), untuk memimpin doa dan menyampaikan khutbah di Masjid Namirah pada Hari Arafah, Jumaat 8 Julai ini.

Jabatan Tertinggi bagi Hal Ehwal Masjidil Haram dan Masjid Nabawi di Arab Saudi menerusi portalnya memaklumkan bahawa Kerajaan Arab Saudi di bawah kepimpinan Penjaga Dua Kota Suci, Raja Salman Abdulaziz telah mengeluarkan persetujuan ini pada Selasa (5 Julai).

Sheikh Dr Al-Issa diiktiraf

secara meluas sebagai ulama kontemporari yang komited membawa kesedaran global mengenai imej Islam sebenar, selain mempromosikan nilai-nilai kesederhanaan, toleransi dan keharmonian antara agama.

Dalam akademik, Dr Al-Issa yang merupakan pakar dalam bidang Syariah Islam serta perundangan dan kehakiman sering dijemput memberi syarahan di institusi akademik dan badan intelektual antarabangsa di beberapa negara seluruh dunia.

Terkini di Malaysia, beliau turut hadir dalam Persidangan Ulama

Asia Tenggara 2022 yang diadakan di Bandar Sunway, Petaling Jaya minggu lepas, selain mengadakan kunjungan hormat terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Khutbah Arafah yang akan dibacakan dalam bahasa Arab akan bersiaran secara langsung dari Arab Saudi pada Jumaat ini dengan terjemahan 14 bahasa lain termasuk Bahasa Melayu, Cina dan Tamil. Mereka yang ingin mengikutinya boleh berbuat demikian di pautan berikut : https://manaratalharamain.gov.sa/arafa/arafa_sermon/en.

- ©BERNAMA

Rakyat Malaysia di Turkiye alami kenaikan harga barang keperluan yang tinggi akibat inflasi

ISTANBUL, 6 Julai. - Kenaikan kadar inflasi dan harga barang keperluan asas bukan sahaja dirasai di Malaysia, tetapi hampir di seluruh dunia.

Malahan terdapat negara yang menghadapi kadar inflasi lebih tinggi akibat peningkatan permintaan barangan dan perkhidmatan secara mendadak sejak ekonomi dibuka semula, antaranya Turkiye yang mencatat kenaikan harga barangan makanan hampir setiap minggu.

Pada pertemuan dengan rakyat Malaysia di Turkiye semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyatakan bahawa kadar inflasi di Turkiye sudah mencecah 78 peratus iaitu yang tertinggi dalam tempoh 24 tahun, berbanding Malaysia 2.8 peratus.

Ismail Sabri, yang tiba pada Selasa untuk lawatan rasmi empat hari ke republik itu berkata yang membezakan Malaysia dengan kebanyakan negara lain ialah kadar subsidi diberikan kerajaan kini mencecah lebih RM77.7 bilion.

Rakyat Malaysia yang menetap atau belajar di Turkiye, mengakui

amat terkesan dengan peningkatan kadar inflasi di republik itu apabila pengangkutan, harga makanan dan kelengkapan isi rumah mencatatkan kenaikan paling ketara, dengan kos pengangkutan meningkat dua kali ganda sepanjang tahun ini.

Pelajar universiti Muhammad Hafiz Ali berkata harga barang makanan dan kemudahan lain seperti tambang penerbangan meningkat dengan mendadak akibat kadar inflasi yang tinggi.

"Apa yang kami alami sangat teruk, inflasi yang naik secara mendadak. Kalau naik kapal terbang pun dah 1,800 lira, kalau dulu 799 lira dah lepas dah. Sekarang boleh cecah 2,020 lira dan dengan bas dulu 200 hingga 300 lira tapi sekarang boleh sampai 900 lira," tambah beliau yang belajar di sebuah bandar di sempadan Turkiye-Armenia.

Bagi Nurbalqis Abdul Rashid pula, cabaran paling besar ialah sewa rumah yang dinaikkan daripada 1,100 lira kepada 2,500.

"Beza yang sangat jauh dan bila kami cari rumah sewa baru, rumah

paling teruk pun dalam 4,000 lira sebulan, dan kebanyakan mereka tidak mahu warga asing. Harga barangan meningkat setiap minggu, terutama harga makanan," katanya.

Menurut Dr Muhammad Farhan Ahmat Murtza, keadaan ini memaksa penduduk Turkiye untuk menghasilkan lebih banyak produk tempatan bagi menampung keperluan dalam menghadapi kenaikan inflasi yang tinggi.

"Di Turkiye mereka lebih mengutamakan barangan dari negara mereka sendiri berbanding dari negara luar. Dari sudut itu mereka boleh meningkatkan produktiviti berbanding bergantung kepada negara luar," tambah beliau.

Mata wang Turkiye kehilangan separuh nilainya berbanding dolar dalam tempoh 12 bulan lalu yang mendorong kenaikan harga barang import.

Ketika ini terdapat lebih 500 rakyat Malaysia menetap di Turkiye, dengan 200 daripadanya adalah penuntut di pelbagai universiti. - ©BERNAMA

Kejohanan Wimbledon : Kecederaan abdomen paksa Nadal tarik diri

ISTANBUL, 8 Julai. - Bintang tenis sensai Sepanyol Rafael Nadal menarik diri daripada separuh akhir Wimbledon kerana kecederaan abdomen, memetik kenyataan penganjur lapor Agensi Anadolu.

Nadal, juara Grand Slam 22 kali dengan dua gelaran Wimbledon, sepatutnya bertemu pemain Australia Nick Kyrgios di pentas separuh akhir Jumaat ini.

Berikutan itu Kyrgios, 27, kini akan menentang sama ada Novak Djokovic atau Cameron Norrie pada gelanggang akhir Ahad ini.

- ©BERNAMA

ASEAN bincang cara pikat lebih ramai pelancong

VIENTIANE, 7 Julai. - ASEAN akan terus bekerjasama untuk menarik lebih ramai pelawat ke rantau ini dan dalam usaha menghidupkan kembali industri pelancongan.

Menurut laporan Agensi Berita Vietnam (VNA) perkara itu dibincangkan dalam Mesyuarat Pegawai Kanan ASEAN mengenai Pelancongan ke-56 dari 5 hingga 6 Julai.

Pegawai ASEAN yang mengambil bahagian berkata mereka akan terus bekerjasama untuk memulihkan semula pelancongan di rantau ini di bawah pelan tindakan yang diluluskan awal tahun ini, dengan kerjasama sektor-sektor berkaitan. Matlamat utama adalah untuk merangsang semula industri dan memulihkan bilangan pelawat ke tahap pra pandemik.

Ini termasuk pembangunan produk pelancongan yang pelbagai, kempen-kempen pemasaran, penambahbaikan standard pelancongan dan ketersambungan, serta penggunaan lebih banyak sistem digital untuk memudahkan pelancong akses kepada maklumat, lapor VNA memetik Vientiane Times.

Mesyuarat itu juga mengambil maklum bahawa banyak negara anggota telah menerima pakai dasar dan langkah-langkah untuk memudahkan perjalanan di rantau ini, seperti memudahkan prosedur untuk ketibaan dan pelepasan pelancong.

Selain itu, pihak berkuasa di ASEAN akan bekerjasama dengan rakan dialog dan organisasi antarabangsa untuk mengukuhkan sektor itu dan memudahkan pelancong melakukan perjalanan.

- ©BERNAMA

Arab Saudi terima 185 jemaah haji di bawah Program Tetamu Penjaga Dua Masjid Suci

KUALA LUMPUR, 7 Julai. - Seramai 185 jemaah haji di bawah program Tetamu Penjaga Dua Masjid Suci tiba di Arab Saudi pada Rabu untuk menunaikan ibadah haji tahun ini.

Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi dalam satu kenyataan semalam memaklumkan kumpulan jemaah itu terdiri mereka yang mewakili 41 negara di bawah Islamic Military Counter Terrorism Coalition (IMCTC).

Selain itu, ahli keluarga kepada mangsa yang terkorban dan cedera dalam serangan keganasan di New Zealand juga diundang menyertai program itu.

Menurut laporan Agensi Berita Arab Saudi (SPA), kementerian itu bertanggungjawab dalam menyediakan perkhidmatan terbaik kepada mereka sepanjang keberadaan di negara itu.

Perkhidmatan itu termasuk penempatan, pengangkutan, penyediaan makanan dan minuman serta perkhidmatan ziarah ke tapak suci.

- ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



10 JULAI : BKC DITIADAKAN

■ Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 Julai. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menerusi Siaran Akhbarnya ingin memaklumkan bersempena Sambutan Hari Raya Aidiladha 1443 Hijrah, pada Ahad, 10 Zulhijah 1443 bersamaan 10 Julai 2022, adalah dimaklumkan, bahawa Program Bandarku Ceria (BKC) ditiadakan pada hari tersebut.

Aktiviti-aktiviti yang ditiadakan, termasuklah semua jenis aktiviti Bandarku Ceria serta gerai-gerai jualan di sepanjang Jalan Pemancha, Jalan Elizabeth II, Jalan Pretty, Jalan Roberts dan Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddin.

Sementara itu, jalan-jalan yang kebiasaannya ditutup semasa Program Bandarku Ceria akan dibuka seperti biasa.

Gregoria terus hantui Yamaguchi, semakin membara buru aksi final

KUALA LUMPUR, 8 Julai. - Kejayaan menumbangkan jaguh dunia, Akane Yamaguchi dari Jepun pada suku akhir Masters Malaysia 2022 melonjak semangat pemain perseorangan wanita Indonesia, Gregoria Mariska Tunjung, memburu final pertamanya bagi kejohanan bertaraf Super 500 itu.

Menariknya, ini kali kedua berturut-turut Gregoria menyingkirkan Yamaguchi selepas melakukannya pada pusingan pertama Terbuka Malaysia 2022 dengan keputusan 21-14, 21-14, minggu lepas.

Gregoria, yang bukannya pemain pilihan kali ini, berkata aksi separuh akhir menentang pilihan ketiga, An Se Young, esok, juga menjadi medan membalas dendam terhadap pemain Korea Selatan tersebut.

Ini selepas Se Young menyingkirkannya pada pusingan pertama Kejohanan All England 2022 di Birmingham, England, 21-16, 21-4, Mac lepas.

"Saya baru kalah kepada Se Young di

All England namun kali ini saya ingin menasak untuk cuba yang terbaik dan menang esok," katanya ketika ditemui pemberita selepas perlawanan di Axiata Arena Bukit Jalil, di sini hari ini.

Terdahulu, juara remaja dunia 2017 itu mengejutkan Yamaguchi, yang juga pilihan utama dan pemain perseorangan nombor satu dunia, 25-23, 15-21, 21-10.

Mengulas mengenai aksi hari ini, Gregoria bersyukur dapat mengambil kesempatan terhadap Yamaguchi yang dilihat tidak berada pada tahap terbaiknya ketika ini.

Sementara itu, Yamaguchi menegaskan bahawa beliau tidak kisah dengan penyingkiran daripada kejohanan tersebut tetapi sangat positif dengan keputusan tersebut.

Selepas terkandas mengejut di peringkat awal Terbuka Malaysia, minggu lepas, katanya, beliau gembira dapat menunjukkan sedikit peningkatan sehingga mara ke suku akhir pada Masters Malaysia. - ©BERNAMA

KLBA, Sekolah Badminton Banthongyord bekerjasama bangunkan bakat muda

KUALA LUMPUR, 8 Julai. - Persatuan Badminton Kuala Lumpur (KLBA) mengorak langkah dalam misi membangunkan bakat muda menerusi jalinan kerjasama selama lima tahun (2022-2026) dengan Sekolah Badminton Banthongyord yang berpangkalan di Bangkok, Thailand.

Presiden KLBA Datuk Seri Dr Jahaberdeen Mohamed Yunoos berharap kerjasama itu merupakan titik permulaan persatuan untuk melahirkan pemain muda yang lebih berkualiti selaras dengan misi barisan kepimpinan baharu untuk memperkasa program pembangunan.

"Cadangan sekolah berkenaan datangnya daripada Naib Presiden dan Pengerusi Jawatankuasa Kejurulatihan dan Latihan KLBA Datuk Razif Sidek yang bercerita tentang mereka punyai sistem latihan yang sangat bagus, itulah sesuatu perkara yang KLBA nak terokai."

"Pada masa sama, KLBA mahu menerokai cara bekerjasama dengan

kelab persendirian, jadi ini cara yang terbaik di mana kita menjalinkan kerjasama dengan kelab persendirian yang telah mantap," katanya ketika ditemui pemberita selepas majlis pemeteraian kerjasama berkenaan di Axiata Arena di sini, hari ini.

Justeru, beliau berharap melalui biasiswa presiden di bawah Jejak Juara, KLBA dapat menghantar pemain bermula daripada pelajar sekolah rendah Tahun Tiga dan ke atas untuk menjalani program di Thailand.

Dalam pada itu, Razif menyifatkan kerjasama itu sangat baik dalam melahirkan lebih ramai pemain muda berbakat besar yang boleh diketengahkan dalam arena badminton tanah air.

"Saya mengetahui berkenaan sekolah ini daripada anak saya, Muhammad Fazriq yang pernah memasuki pertandingan bawah 13 anjuran sekolah berkenaan, dari situ saya lihat kemudahan yang diadakan lengkap seperti gimnasium dan gelanggang," katanya. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

BADAH korban secara bermajlis telah ditunaikan setiap tahun sejak tahun 1997 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Majlis tersebut berlangsung di perkarangan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah sejezur selesai menunaikan Solat Sunat Aidiladha. Majlis korban sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat baginda dan sambutan Hari Raya Aidiladha buat julung kalinya juga telah berlangsung di Istana Nurul Iman pada 2016.

SUMBER : <http://mora.gov.bn/>

Apa yang perlu saya hadapkan di dalam gambar ujian ART untuk dimuat naik dalam aplikasi Bruhealth?



Ujian ART

Sila catit ujian ini adalah bagi hari ke berapa (contoh Hari-1 atau Hari-5)



Bukti menunjukkan tarikh pada hari berkenaan

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MUSLIM YANG PALING BIJAKSANA DI SISI ALLAH IALAH MEREKA YANG SENTIASA BERMUHASABAH DIRI, BERAMAL UNTUK HARI KEMUDIAN